- (Dr) Abdul Samad Haji Alias, Chairman (Independent, Non-executive)
- Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong (Independent, Non-executive)
- Datuk Alladin Hashim (Non-independent, Non-executive)

The term of office of each member is subject to review every three years.

### **Secretary**

At least one of the Company Secretaries as decided by the Chairman of the Committee.

### **Quorum**

Two.

### **Frequency of Meeting**

At least four times a year and as and when required. At least once a year, the Committee shall meet with the external auditors without executives being present.

### **Terms of Reference**

The terms of reference of the Audit Committee are set out on pages 51 and 52.

### **Audit Committee Report**

During the financial year, the Committee met six times. The issues covered by the Audit Committee were as follows:

- a) review of the annual budget of the Company for submission to the Board;
- b) review of the internal audit plan and major findings of internal audit reports;
- c) review of the performance/operations audit of subsidiaries/associates and making appropriate recommendations relating thereto;
- d) review of the quarterly results/announcements of the Group and making relevant recommendations to the Board for approval;
- e) review of the annual financial statements of the Group/Company and the making of relevant recommendations to the Board for approval;
- f) discussion of the proposed changes in accounting policies in respect of the treatment of goodwill and capitalisation of post construction interest of a subsidiary and others arising from changes in accounting standards;
- g) discussion of the significant areas highlighted by the external auditors before the audit commenced; and
- h) review of the findings of the external auditors and follow-up on the recommendations.

### **Internal Audit Activities Report**

Summary of activities of the Group Internal Audit function during the financial year is as follows:

- regularly examining the controls over all significant Group operations and systems to ascertain whether the system provides reasonable assurance that the Group's objectives and goals will be met efficiently and economically;
- prepare the annual audit plan for deliberation by the Audit Committee;
- act on suggestions made by external examiners and/or senior management on concerns over operations or control;
- issue audit reports which identify weaknesses and problems and contain recommendations for improvement;
- issue audit reports to the appropriate level of management capable of achieving satisfactory audit results; and
- determine whether corrective action was taken and is achieving the desired results.

# Laporan Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada dua orang Pengarah bebas, bukan eksekutif dan seorang Pengarah bukan bebas, bukan eksekutif daripada kalangan ahli Lembaga Pengarah, di mana (Dr) Abdul Samad Haji Alias merupakan Pengerusinya. Komposisi Jawatankuasa ini dibentangkan di muka surat 58.

Jawatankuasa ini telah mengadakan enam mesyuarat pada tahun kewangan ini. Juruaudit Dalaman Kumpulan menghadiri empat mesyuarat yang memerlukan kehadiran beliau. Ahli-ahli pengurusan kanan lain turut menghadiri beberapa mesyuarat atas jemputan Pengerusi Jawatankuasa.

Juruaudit luar menghadiri tiga mesyuarat sepanjang tempoh tersebut.

## **Ringkasan Aktiviti**

Sepanjang tempoh ini, Jawatankuasa Audit telah menjalankan tugasnya seperti yang ditetapkan di bawah bidang rujukannya.

Isu-isu utama lain yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

- penubuhan Jawatankuasa Penasihat Risiko untuk membantu Lembaga Pengarah mengenalpasti dan mengurus risiko kegagalan supaya mampu mencapai objektif perniagaan;
- piawaian perakaunan baru yang diterimapakai dalam penyata kewangan disatukan; dan
- keperluan pendedahan maklumat tambahan menurut Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur yang diubahsuai.

## **Fungsi Audit Dalaman**

Kumpulan mempunyai sebuah Jabatan Audit Dalaman yang melapor kepada Jawatankuasa Audit dan membantu Lembaga Pengarah memantau serta mengurus risiko dan kawalan dalaman. Jawatankuasa Audit meluluskan rancangan audit dalaman pada mesyuarat Jawatankuasa Audit pertama setiap tahun. Skop Audit Dalaman meliputi pengauditan semua unit dan operasi, termasuk syarikat-syarikat subsidiari.

Kumpulan mengamalkan pendekatan berasaskan risiko dalam pelaksanaan dan pemantauan kawalannya. Proses pemantauan juga membentuk asas untuk terus mempertingkatkan proses pengurusan risiko dalam matlamat keseluruhan Kumpulan.

## **Bidang Rujukan Jawatankuasa Audit**

Bidang rujukan Jawatankuasa Audit dibentangkan di muka surat 57.



### **Keahlian**

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah di kalangan para Pengarah dan meliputi tidak kurang daripada tiga orang ahli, di mana majoriti daripada mereka hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit akan memilih seorang Pengerusi di kalangan mereka yang hendaklah merupakan seorang Pengarah Bebas.

Semua ahli Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada Pengarah bukan eksekutif.

Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:

- mestilah merupakan seorang ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- Jika beliau bukan merupakan seorang ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja: dan
  - beliau hendaklah telah lulus peperiksaan seperti yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual I Akta Akauntan 1967; atau
  - beliau hendaklah merupakan ahli salah sebuah Persatuan Akauntan seperti yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual I Akta Akauntan 1967.

### **Mesyuarat dan Minit**

Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang dari empat kali setahun dan biasanya akan dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan, Juruaudit Dalaman Kumpulan dan seorang wakil Juruaudit Luar. Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain boleh menghadiri atas jemputan Jawatankuasa Audit. Sekurang-kurangnya sekali setahun, Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana eksekutif Kumpulan. Kedua-dua juruaudit dalaman dan luar boleh meminta diadakan mesyuarat jika mereka menganggap mesyuarat tersebut perlu diadakan.

Salah seorang Setiausaha Syarikat akan menjadi Setiausaha Jawatankuasa Audit seperti yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa. Minit setiap mesyuarat akan diedarkan kepada setiap ahli Lembaga Jawatankuasa. Pengerusi Jawatankuasa akan melapor mengenai setiap mesyuarat kepada Lembaga Pengarah.

### **Kuasa**

Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyasiat sebarang aktiviti dalam bidang rujukannya dan akan mempunyai akses tanpa sekatan kepada sebarang maklumat berhubung dengan Kumpulan, kepada juruaudit dalaman dan juruaudit luar serta semua kakitangan Kumpulan. Jika perlu, Jawatankuasa ini juga dibenarkan untuk mendapatkan nasihat perundangan luar atau nasihat profesional bebas lain.

### **Tugas dan Bidang Rujukan**

Tugas dan bidang rujukan Jawatankuasa akan meliputi berikut:

- i) Mempertimbangkan pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang persoalan peletakan jawatan atau pemecatan dan siasat mengenai kakitangan dan kecekapan juruaudit luar dalam menjalankan kerja mereka;
- ii) Membincangkan bentuk dan skop audit tersebut secara umum dan sebarang masalah utama yang mungkin boleh dijangka berkaitan juruaudit luar sebelum memulakan audit dan memastikan supaya ujian yang secukupnya dibuat untuk mengesahkan bahawa akaun dan prosedur Kumpulan telah dilaksanakan dengan sewajarnya;
- iii) Membincangkan tentang sebarang cadangan perubahan dalam prinsip perakaunan berkaitan penyata kewangan masa depan;
- iv) Mengkaji keputusan dan penemuan audit dan memantau pelaksanaan sebarang syor yang dikemukakan mengenainya;
- v) Mengkaji penyata kewangan suku tahun, setengah tahun dan tahunan sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah, dengan memfokus terutamanya kepada:
  - sebarang perubahan kepada dasar dan amalan perakaunan;
  - bidang-bidang yang memerlukan pertimbangan utama;
  - andaian usaha perniagaan berterusan;
  - pematuhan kepada piawaian perakaunan;
  - pematuhan kepada keperluan bursa saham dan undang-undang.
- vi) Membincangkan masalah dan pandangan yang timbul daripada audit interim dan akhir; dan sebarang perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran Pengurusan apabila perlu);
- vii) Memastikan Audit Dalaman mempunyai sumber yang mencukupi dan mempunyai kedudukan yang sewajarnya dalam Syarikat;
- viii) Mengkaji program audit dalaman, mempertimbangkan penemuan utama hasil penyiasatan audit dalaman dan tindak balas Pengurusan serta memastikan penyelarasan antara juruaudit dalaman dan luar;
- ix) Mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman dan mengkaji surat pengurusan juruaudit luar, khususnya, dan tindak balas Pengurusan terhadapnya;
- x) Mempertimbangkan sebarang urusan pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan;
- xi) Menjalankan sebarang penugasan lain seumpamanya sebagaimana yang ditakrifkan oleh Lembaga Pengarah.
- xii) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang disediakan untuk pihak berkuasa penguatkuasaan peraturan/orang ramai.
- xiii) Untuk melapor dengan segera kepada BSKL mengenai sebarang perkara yang dilaporkan oleh BSKL kepada Lembaga Pengarah yang masih belum diselesaikan dengan memuaskan sehingga menyebabkan ia melanggar Syarat-syarat Penyenaraian BSKL.

## **JAWATANKUASA AUDIT**

### **Ahli-ahli**

Meliputi sekurang-kurangnya tiga orang Pengarah bukan eksekutif. Para ahlinya terdiri daripada:

- (Dr) Abdul Samad Haji Alias, Pengerusi (Bebas, bukan eksekutif)
- Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong (Bebas, bukan eksekutif)
- Datuk Alladin Hashim (Bukan bebas, bukan eksekutif)

Tempoh jawatan setiap ahli adalah tertakluk kepada kajian setiap tiga tahun.

### **Setiausaha**

Sekurang-kurangnya salah seorang Setiausaha Syarikat seperti yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa.

### **Kuorum**

Dua.

### **Kekerapan Mesyuarat**

Sekurang-kurangnya empat kali setahun dan apabila diperlukan. Sekurang-kurangnya sekali setahun, Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana eksekutif.

### **Bidang rujukan**

Bidang rujukan Jawatankuasa Audit adalah seperti yang dibentangkan di muka surat 57.

### **Laporan Jawatankuasa Audit**

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa ini telah mengadakan enam mesyuarat. Isu-isu yang dirangkumi oleh Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

- a) mengkaji belanjawan tahunan Syarikat untuk diserahkan kepada Lembaga Pengarah;
- b) mengkaji rancangan audit dalaman dan penemuan utama laporan audit dalaman;
- c) kajian audit prestasi/operasi syarikat-syarikat subsidiari/bersekutu dan membuat cadangan yang wajar berkaitannya;
- d) mengkaji keputusan/pengumuman suku tahunan Syarikat dan membuat cadangan berkaitan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan;
- e) mengkaji penyata kewangan tahunan Kumpulan/Syarikat dan membuat cadangan berkaitan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan;
- f) membincangkan cadangan perubahan dalam dasar perakaunan berhubung cara mengambilkira muhibah dan permodalan faedah selepas pembinaan bagi sebuah syarikat subsidiari dan perkara-perkara lain yang timbul daripada perubahan piawaian perakaunan;
- g) membincangkan perkara-perkara penting yang diketengahkan oleh juruaudit luar sebelum memulakan pengauditan; dan
- h) mengkaji penemuan juruaudit luar dan membuat susulan mengenai syor tersebut.

### **Laporan Aktiviti Juruaudit Dalaman**

Ringkasan aktiviti fungsi Juruaudit Dalaman Kumpulan sepanjang tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

- memeriksa secara kerap kawalan ke atas semua operasi dan sistem penting Kumpulan untuk menentukan sama ada sistem yang sedia ada memberi jaminan berpatutan bahawa objektif dan matlamat Kumpulan akan mampu dipenuhi secara cekap dan ekonomik;
- menyediakan rancangan audit tahunan untuk dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit;
- bertindak ke atas syor yang dibuat oleh pemeriksa luar dan/atau pengurusan kanan mengenai perkara-perkara berkaitan operasi atau kawalan;
- mengeluarkan laporan audit yang mengenalpasti kelemahan dan masalah serta mengandungi syor-syor untuk memperbaikinya;
- mengeluarkan laporan kepada peringkat pengurusan sewajarnya yang mampu mencapai keputusan audit yang memuaskan; dan
- menentukan sama ada tindakan pembetulan telah diambil dan mencapai keputusan yang dikehendaki.

As we enter a *new era*  
we will continue to *evolve* and shape our  
strengths for  
**optimal** shareholder's value

Sambil melangkah ke era baru,  
kami akan terus melalui perubahan  
sementara keteguhan kami terus dibina  
agar mencapai nilai pemegang saham  
yang optimum



Strengths

Kekuatan

## Chairman's Statement Penyata Pengerusi



On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements for Malaysia Mining Corporation Berhad and its subsidiaries (the Group) for the financial year ended 31 January 2002.

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Malaysia Mining Corporation Berhad serta syarikat-syarikat subsidiarinya (Kumpulan) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2002.

During the year under review, the Group continued to rationalise its operations in line with our objective of repositioning the Group's business to focus on the core competencies in infrastructure, utilities and engineering.

Pada tahun yang ditinjau, Kumpulan meneruskan usaha untuk merasionalisasi operasinya sejajar dengan matlamat kita untuk menyusun semula kedudukan perniagaan Kumpulan supaya ia sentiasa berfokus kepada bidang-bidang kecekapan teras yang meliputi infrastruktur, utiliti dan kejuruteraan.

#### **Corporate Highlights**

On 26 November 2001, Malaysia Mining Corporation Berhad (MMC) executed an agreement to acquire 50.1% equity interest in Pelabuhan Tanjung Pelepas Sendirian Berhad (PTP), the world's fastest-growing container port that is slated to become a leading transshipment hub in Southeast Asia. Strategically located at the southern tip of Peninsular Malaysia and adjacent to one of the major and busiest shipping routes in the region, PTP started operations in January 2000. It has since achieved world-class recognition for its superior facilities and highly-competitive cost structure. The decision by Evergreen Marine Corporation to move its operations to PTP will propel the port into the top 15 largest container ports in the world and underscores the port's success in expanding its influence in the transshipment arena.

PTP is a key player in the Group's new strategic focus and is expected to drive our long-term earnings growth. In view of an anticipated significant increase in throughput, there are plans to expand the port facilities to cater to this growth. This, and the continuing development of the surrounding port area, is the ideal opportunity to promote intra-Group synergies with our Engineering division.

#### **Peristiwa Penting Korporat**

Pada 26 November 2001, Malaysia Mining Corporation Berhad (MMC) telah memeterai satu perjanjian untuk mengambilalih 50.1% kepentingan ekuiti dalam Pelabuhan Tanjung Pelepas Sendirian Berhad (PTP), sebuah pelabuhan kontena paling pesat berkembang di dunia yang bakal menjadi sebuah pusat pemindahan barangan antara kapal yang utama di Asia Tenggara. PTP yang mempunyai kedudukan strategik di hujung selatan Semenanjung Malaysia dan bersebelahan salah sebuah laluan perkapalan utama dan paling sibuk di rantau ini, telah memulakan operasinya pada bulan Januari 2000. Sejak itu, PTP telah berjaya mencapai pengiktirafan di peringkat dunia kerana kemudahannya yang unggul dan struktur kosnya yang amat berdaya saing. Keputusan Evergreen Marine Corporation untuk memindahkan operasinya ke PTP akan mendorong pelabuhan ini menjadi salah sebuah 15 pelabuhan kontena terbesar di dunia dan menggambarkan kejayaan pelabuhan ini untuk meluaskan pengaruhnya dalam bidang pemindahan barangan antara kapal.

PTP memainkan peranan utama dalam fokus strategik baru Kumpulan dan dijangka akan mendorong pertumbuhan pendapatan jangka panjang.



In our endeavour to become a premier engineering concern, the Group shall continue to seek out partnerships and alliances with appropriate parties in an effort to enhance our capabilities to pursue high-value projects such as the multi-billion Ringgit Kuala Lumpur Flood Mitigation Project.

The Engineering division will also look to increase its participation in intra-Group projects as the activities of the divisions become more synergised.

Through its interest in Malakoff Berhad (Malakoff), the Group continues to strengthen its position as one of the leading independent power producers in Malaysia.

The period under review was a busy and fruitful year for Malakoff. On 28 June 2001, GB3 Sendirian Berhad (GB3), a wholly-owned subsidiary of Malakoff, signed a 21-year power purchase agreement with Tenaga Nasional Berhad (TNB) for its new 640MW power plant at Segari, Perak. The construction of the initial 430MW open cycle power plant was completed in end-February 2002 and the plant is now operational with all three gas turbine units successfully commissioned.

On 21 January 2002, Malakoff and another wholly-owned subsidiary, Kapar Energy Ventures Sendirian Berhad (KEV), signed a Heads of Agreement to the Supplemental Asset Sale Agreement with TNB pertaining to the revised parameters for the proposed acquisition of the 2,420MW Kapar Power Station at Kapar, Selangor. The proposed acquisition is expected to be completed in the fourth quarter of 2002.

Memandangkan ia dijangka akan menikmati pertumbuhan trupert yang ketara, rancangan sudah diatur untuk meluaskan lagi kemudahan pelabuhan bagi memenuhi keperluan pertumbuhan tersebut. Usaha ini dan juga pembangunan berterusan di sekitar kawasan pelabuhan merupakan satu peluang unggul untuk mempromosi sinergi antara Kumpulan dengan bahagian Kejuruteraan.

Dalam usaha kita untuk memainkan peranan utama dalam bidang kejuruteraan, Kumpulan akan terus menjalin hubungan perkongsian dan permuafakatan dengan beberapa pihak yang sesuai sebagai langkah untuk mempertingkatkan lagi keupayaan kita mendapatkan berbagai projek bernilai tinggi seperti Projek Pengawalan Banjir Kuala Lumpur yang melibatkan perbelanjaan berbilion Ringgit.

Bahagian Kejuruteraan juga akan meninjau peluang untuk memesatkan penyertaannya dalam pelbagai projek antara syarikat dalam Kumpulan apabila aktiviti bahagian-bahagian tersebut menjadi lebih bersinergi.

Melalui Malakoff Berhad (Malakoff), Kumpulan akan meneruskan usaha untuk mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai salah sebuah pengeluar tenaga bebas yang terkemuka di Malaysia.

Tempoh yang ditinjau merupakan satu tahun yang sibuk dan berhasil bagi Malakoff. Pada 28 Jun 2001, GB3 Sendirian Berhad (GB3), sebuah lagi syarikat subsidiari milik penuh Malakoff, menandatangani perjanjian pembelian tenaga selama 21 tahun dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi loji tenaga barunya yang berkapasiti 640MW di Segari, Perak. Loji tenaga kitar terbuka 430MW yang disiapkan pada akhir Februari 2002 ini kini sudah beroperasi dengan ketiga-tiga unit turbin gasnya telah berjaya ditauliahkan.

With regards to our mining business, we will continue to maintain our investments in profitable ventures. In April 2002, associate Malaysia Smelting Corporation Berhad (MSC), a world-class integrated tin mining, smelting and tin products manufacturing business, successfully completed the acquisition of a 100% interest in Kajuara Mining Corporation Pty. Ltd., which in turn has a 75% stake in PT Koba Tin. The acquisition will enable the MSC Group to become one of the world's leading producers of tin metal and tin-based products.

During the year under review, subsidiary Tronoh Mines Malaysia Berhad (TMMB) appointed Receivers and Managers for Hillgrove Gold NL and New England Antimony Mines (Hillgrove) following an extensive review of the antimony trioxide plant's operations by TMMB in collaboration with Australian mining consultants. Although TMMB was under no legal obligation, it paid out benefits and entitlements totalling more than AUD3 million to all retrenched employees. TMMB has also appointed a Voluntary Administrator to handle the affairs of the unsecured creditors in accordance with Australian corporate regulations.

Pada 21 Januari, 2002, Malakoff dan sebuah lagi syarikat subsidiari milik sepenuhnya, Kapar Energy Ventures Sendirian Berhad (KEV), menandatangani Perjanjian Asas kepada Perjanjian Tambahan Penjualan Aset dengan TNB berhubung dengan semakan semula perkara utama bagi cadangan pengambilalihan Stesen Janakuasa Kapar 2,420MW di Kapar, Selangor. Cadangan pengambilalihan ini dijangka diselesaikan pada suku keempat tahun 2002.

Berhubung dengan perniagaan perlombongan pula, kita akan terus mengekalkan pelaburan kita dalam usahaniaga-usahaniaga yang menghasilkan keuntungan. Pada bulan April 2002, Malaysia Smelting Corporation Berhad (MSC), syarikat bersekutu Kumpulan yang mempunyai penglibatan dalam aktiviti perlombongan, peleburan dan pengilangan barangan bijih timah bersepadu bertaraf dunia, berjaya menyelesaikan pengambilalihan 100% kepentingan dalam Kajuara Mining Corporation Pty. Ltd., yang mempunyai 75% kepentingan dalam PT Koba Tin. Pengambilalihan ini akan membolehkan Kumpulan MSC menjadi salah sebuah pengeluar logam timah dan barangan berasaskan bijih timah yang terkemuka di dunia.

Pada tahun yang ditinjau, syarikat subsidiari Tronoh Mines Malaysia Berhad (TMMB) melantik Pembubar dan Pengurus bagi Hillgrove Gold NL dan New England Antimony Mines (Hillgrove) berikutan kajian semula secara ekstensif yang dibuat oleh TMMB ke atas operasi loji trioksid antimoni, bersama beberapa jururunding lombong Australia. Walaupun TMMB tidak tertakluk kepada sebarang obligasi perundangan, namun ia telah membayar manfaat dan wang yang layak diterima berjumlah lebih AUD3 juta kepada semua pekerja yang diberhentikan. TMMB juga telah melantik sebuah Pentadbir Sukarela untuk mengendalikan hal ehwal sipiutang tidak bercagar selaras dengan keperluan peraturan korporat di Australia.

### **Group Initiatives**

In tandem with the Group's rationalisation efforts, a new management team was put in place to assist in the acceleration of the process. Together with the existing team, they will be the change leaders that will take the Group to new levels of productivity and growth.

Well-aware of the need to equip our people with the skills required to cope with today's fast changing environment, we will continue to provide them the support and resources to tackle the challenges that are to come.

As we forge ahead to realise our vision of becoming a premier infrastructure, utilities and engineering group in Malaysia, we are aware of the need for a strong information and communication technology architecture that will be an effective link, both internally and externally, for our diverse activities. Examples of such efforts include the implementation of SAP, a strategic tool for business improvement, which has resulted in smoother workflow and greater productivity, and our website, [www.mmc.com.my](http://www.mmc.com.my), to facilitate communications with our stakeholders.

As the Group ventures into larger and higher value-added projects, it is important that we adhere to sound management practices. Towards this end, we have commissioned consultants to help us identify the potential risks and appropriate actions to be taken to actively and properly manage them.

### **Usaha Kumpulan**

Selaras dengan usaha rasionalisasi yang dijalankan oleh Kumpulan, pasukan pengurusan baru telah diperkenalkan bagi membantu mempercepatkan proses tersebut. Gandingan mereka dengan pasukan pengurusan yang sedia ada merupakan pemimpin yang akan membawa pembaharuan kepada Kumpulan sehingga tahap pencapaian produktiviti dan pertumbuhan baru.

Menyedari keperluan untuk melengkapkan tenaga kerja kita dengan kemahiran yang diperlukan bagi menangani persekitaran masakini yang pesat berubah, mereka akan terus diberi sokongan dan sumber yang sewajarnya untuk menangani berbagai cabaran masa hadapan.

Sambil melangkah ke hadapan untuk merealisasikan wawasan kita menjadi Kumpulan yang memainkan peranan utama dalam bidang-bidang infrastruktur, utiliti dan kejuruteraan di Malaysia, kita sedar tentang keperluan mendapatkan senibina teknologi maklumat dan komunikasi yang akan menjadi penghubung berkesan, baik dalaman mahupun luaran bagi pelbagai aktiviti yang dijalankan. Antara usaha yang dijalankan termasuk pelaksanaan SAP, dikenali sebagai satu sistem aplikasi untuk mempertingkatkan perniagaan, yang telah dapat melicinkan lagi jalan kerja di samping meningkatkan lagi produktiviti serta laman web kita, [www.mmc.com.my](http://www.mmc.com.my), untuk memudahkan komunikasi dengan para pemegang saham.

Kita juga perlu mematuhi amalan pengurusan yang baik selaras dengan penglibatan Kumpulan dalam projek-projek yang semakin besar dan semakin tinggi tambah nilainya. Bagi memenuhi matlamat tersebut, kita telah mentauliah juruperunding untuk membantu kita mengenalpasti potensi risiko serta mengambil tindakan sewajarnya untuk menguruskan risiko-risiko yang telah dikenalpasti itu secara aktif dan berkesan.

### **Group Performance**

For the financial year ended 31 January 2002, the Group registered a consolidated profit before tax and exceptional items of RM197.0 million, a 35.6% increase from the previous year's figure of RM145.3 million.

The improved performance can be attributed to a significant increase in contribution from the Infrastructure and Utilities division as a result of the full-year share of profit from Malakoff being equity accounted. As at 31 January 2002, the Group's stake in Malakoff was 22.9%. The contribution from Gas Malaysia Sendirian Berhad (Gas Malaysia) was however lower than the previous year in light of the 15% energy rebate to customers consuming above 5,000 mmBtu per annum.

The Engineering division recorded improved performance during the year under review. In addition, the Group's tin smelting and weatherstrip manufacturing operations under MSC and Seginiaga Rubber Industries Sendirian Berhad respectively, also recorded commendable performances.

Profit after taxation and minority interests for the period under review was RM165.4 million, down 58.6% from the RM400.0 million in the previous year. This was attributed mainly to exceptional items totalling RM274.7 million recorded in financial year ended 31 January 2001, a significant portion of which was the exceptional gain from the disposal of the Group's stake in Ashton Mining Limited.

The Board has recommended a final dividend of 2 sen per share less Malaysian tax of 28%. Together with the interim gross dividend of 3 sen per share tax exempt that was paid on 14 December 2001, the total annual gross dividend is 5 sen per share, or a total net distribution of RM37.1 million.

### **Prestasi Kumpulan**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2002, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan perkara luarbiasa sebanyak RM197.0 juta, meningkat sebanyak 35.6% berbanding RM145.3 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya.

Prestasi yang bertambah baik ini adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan ketara sumbangan daripada bahagian Infrastruktur dan Utiliti berikutan bahagian keuntungan keseluruhan tahun yang diterima daripada Malakoff diambilkira mengikut kepentingan ekuiti yang dimiliki. Pada 31 Januari 2002, kepentingan Kumpulan dalam Malakoff berjumlah 22.9%. Walau bagaimanapun, rebat tenaga sebanyak 15% yang diberikan kepada para pelanggan yang menggunakan lebih 5,000 mmBtu setahun menyebabkan sumbangan daripada Gas Malaysia Sendirian Berhad (Gas Malaysia) berkurangan berbanding tahun sebelumnya.

Bahagian Kejuruteraan mencatatkan prestasi bertambah baik pada tahun yang ditinjau. Di samping itu, operasi peleburan bijih timah yang dikendalikan oleh MSC dan pengilangan getah kalis cuaca oleh Seginiaga Rubber Industries Sendirian Berhad turut menghasilkan prestasi membanggakan.

Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti yang dicapai pada tempoh ditinjau sebanyak RM165.4 juta merupakan penyusutan sebanyak 58.6% berbanding RM400.0 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh perkara luarbiasa berjumlah RM274.7 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan berakhir 31 Januari 2001. Sebahagian besar daripadanya adalah keuntungan luarbiasa daripada penjualan kepentingan Kumpulan dalam Ashton Mining Limited.

Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen akhir sebanyak 2 sen sesaham ditolak 28% cukai Malaysia. Bersama dengan dividen kasar interim sebanyak 3 sen sesaham dikecualikan cukai yang telah dibayar pada 14 Disember 2001, jumlah dividen kasar tahunan adalah sebanyak 5 sen sesaham, menjadikan jumlah pengagihan bersih sebanyak RM37.1 juta.

## Outlook

Cognisant of the uncertainty in the global economy, the Malaysian Government has adopted an expansionary policy including the introduction of a RM4.3 billion stimulus package and pro-growth strategies in the Budget 2002 to strengthen domestic demand by encouraging greater economic activities and increased consumer spending. The Group will take advantage of all opportunities to support our strategy of accelerated growth.

The new financial year is promising for the Group in view of the exciting opportunities at PTP and the positive initiatives in the Engineering division. GB3 is scheduled to be converted into a combined cycle plant by the end of 2002, thus increasing generating capacity by an additional 210MW. With the proposed acquisition of the Kapar Power Station expected to be completed by the fourth quarter of this year, both plants will effectively give the Group a generating capacity of 2,673MW, making Malakoff the largest independent power producer in the country in terms of generating capacity.

Gas Malaysia is poised to accelerate the development of its distribution network in an effort to increase market penetration, especially among small and medium-sized industries.

I am confident that the Group will rise to the many challenges in the years ahead and in turn, continue to give shareholders a fair return on their investment.

## Tinjauan Masa Depan

Berdasarkan keadaan yang tidak menentu dalam ekonomi global, Kerajaan Malaysia telah mengamalkan dasar menggalakkan pertumbuhan. Ini termasuk memperkenalkan pakej rangsangan sebanyak RM4.3 bilion dan strategi menggalak pertumbuhan dalam Belanjawan 2002 bagi mengukuhkan lagi permintaan domestik dengan menggalakkan aktiviti ekonomi yang lebih luas serta peningkatan perbelanjaan pengguna. Kumpulan akan mengambil kesempatan daripada semua peluang yang tersedia itu untuk menyokong strategi kita mempercepatkan arus pertumbuhan.

Tahun kewangan baru dijangka cerah bagi Kumpulan memandangkan berbagai peluang menarik di PTP dan langkah-langkah positif oleh bahagian Kejuruteraan. GB3 dijadual akan ditukarkan kepada sebuah loji kitar padu menjelang akhir tahun 2002 dan dengan demikian menambah kapasiti penjana sebanyak 210MW lagi. Melalui cadangan pengambilalihan stesen Janakuasa Kapar yang dijangka akan mencapai tahap penyelesaian menjelang suku keempat tahun ini, gabungan kedua-dua loji tersebut akan memberikan kapasiti penjana berjumlah 2,673MW kepada Kumpulan. Ini akan menjadikan Malakoff pengeluar tenaga bebas terbesar di negara ini dari segi kapasiti penjana.

Gas Malaysia dijangka berkemampuan mempercepatkan pembangunan rangkaian pembahagiannya sebagai usaha untuk meningkatkan penembusan pasaran, terutamanya di kalangan industri kecil dan sederhana.

Saya yakin bahawa Kumpulan akan terus cekal menangani berbagai cabaran pada tahun-tahun akan datang dan seterusnya akan mampu memberikan pulangan yang berpatutan kepada pelaburan yang disalurkan oleh para pemegang saham sekalian.

### **Acknowledgement and Appreciation**

On behalf of the Board, I would like to thank former Directors for their contributions during their tenure in office.

I would also like to welcome YBhg Dato' Abdullah bin Mohd. Yusof, who joined the Board on 31 October 2001. To my fellow Board members, I extend my appreciation for your continued support and guidance.

I would also like to take this opportunity to thank our shareholders and business associates, the relevant authorities, financiers and clients for their support and confidence in the Group.

To the management and staff, my thanks and appreciation for your dedication and teamwork. I look forward to your cooperation and support in the Group's pursuit of its vision to become a premier Infrastructure, Utilities and Engineering Group.

**Dato' Syed Abdul Jabbar Syed Hassan**

Chairman / Pengerusi

Kuala Lumpur

28 March 2002 / 28 Mac 2002

### **Pengiktirafan dan Penghargaan**

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah, ingin mengucapkan terima kasih kepada semua bekas Pengarah di atas sumbangan yang diberikan sepanjang tempoh memegang jawatan dahulu.

Saya juga ingin mengalu-alukan YBhg Dato' Abdullah bin Mohd. Yusof yang menyertai Lembaga Pengarah pada 31 Oktober 2001. Kepada rakan-rakan saya dalam Lembaga Pengarah, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sokongan dan panduan yang diberikan.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada para pemegang saham dan semua rakan perniagaan, pihak-pihak berkuasa berkaitan, para pembiaya dan juga pelanggan sekalian kerana memberikan sokongan dan keyakinan terhadap Kumpulan.

Kepada pengurusan dan kakitangan sekalian, saya mengucapkan terima kasih dan menghargai sikap dedikasi dan semangat berpasukan anda sekalian. Saya berharap agar anda sekalian akan terus memberikan kerjasama dan sokongan padu bagi merealisasikan wawasan Kumpulan supaya menjadi sebuah Kumpulan utama dalam bidang-bidang Infrastruktur, Utiliti dan Kejuruteraan.

# Review of Operations

## Tinjauan Operasi

### **MINING**

#### **Malaysia**

The Group continued with minor mining activities involving opencast tin mining on a tribute basis and re-treatment of old amang dumps.

The No. 3 dredge at Berjantai Tin Dredging Berhad, reactivated in 1999, continued to mine its remaining reserves under a contract agreement until November 2001 when it stopped temporarily due to uneconomical operations. For the year ended 31 January 2002, production of tin concentrates was low at 20.2 tonnes compared to 117.01 tonnes in the preceding year. This was mainly due to shutdown of the dredge for major repairs.

The idle dredge, Sri Dermawan at Timah Dermawan Sendirian Berhad, was sold in March 2001. The other idle dredge at Southern Malayan Tin Dredging (M) Berhad was donated to the Perak State Government to be converted into a floating museum.

The Group's mining management services company, Pernas Charter Management Sendirian Berhad, participated in the due diligence work leading to the acquisition of a majority interest in P.T. Koba Tin by Malaysia Smelting Corporation Berhad, an associate of the Group.

### **PERLOMBONGAN**

#### **Malaysia**

Kumpulan meneruskan aktiviti kecil perlombongan bijih timah terbuka berasaskan 'tribute' dan rawatan semula sisa amang lambak.

Kapal korek No. 3 di Berjantai Tin Dredging Berhad yang telah diaktifkan semula pada tahun 1999 meneruskan aktiviti perlombongan baki rizab di bawah perjanjian kontrak sehingga November 2001 apabila ia menghentikan sementara aktivitinya disebabkan keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan. Bagi tahun berakhir 31 Januari 2002, pengeluaran timah padu adalah rendah iaitu 20.2 tan metrik berbanding 117.01 tan metrik pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya oleh penutupan kapal korek tersebut untuk dibaikpulih secara menyeluruh.

Kapal korek yang tidak beroperasi, Sri Dermawan di Timah Dermawan Sendirian Berhad, telah dijual pada bulan Mac 2001. Sebuah lagi kapal korek tidak aktif di Southern Malayan Tin Dredging (M) Berhad telah didermakan kepada Kerajaan Negeri Perak untuk dijadikan muzium terapung.

Syarikat perkhidmatan pengurusan perlombongan Kumpulan, Pernas Charter Management Sendirian Berhad, telah terlibat dalam kerja usaha wajar untuk pengambilalihan kepentingan majoriti dalam P.T. Koba Tin oleh Malaysia Smelting Corporation Berhad, sebuah syarikat bersekutu Kumpulan.

## **Australia**

### **Hillgrove Gold NL (Hillgrove)**

During the year, the Management conducted an extensive review on the viability of Hillgrove's operation with the assistance of independent consultants. Arising from this review, Hillgrove and its wholly-owned subsidiary company, New England Antimony Mines N.L. (NEAM), were subsequently placed under receivership on 3 January 2002. Full provision has been made in the financial statements for the year ended 31 January 2002.

## **EXPLORATION**

During the year under review, minimal exploration activities were carried out and efforts were concentrated on outsourcing the high-risk projects, both locally and overseas. This was in line with the Group's decision to review its involvement in these projects in view of unstable metal prices, in particular, gold, and exploration results, which were below expectations.

## **Malaysia**

### **Tavai Nickel-Cobalt Laterite Prospect, Sabah**

The second phase exploration programme involving a total of 170 diamond drill holes and metallurgical test work, which was designed to establish the economic potential of the nickel and cobalt bearing laterite resources in Tavai Plateau, was not carried out in the current year due to the unstable nickel prices. However, following a review of the project, the Group decided to proceed with a limited drilling programme and metallurgical test work in the first quarter of 2002.

## **Australia**

### **Hillgrove Gold NL (Hillgrove)**

Pada tahun ini, pihak Pengurusan telah menjalankan kajian daya maju operasi Hillgrove secara menyeluruh dengan bantuan perundingcara bebas. Ekoran kajian ini, Hillgrove dan syarikat subsidiari milik sepenuhnya, New England Antimony Mines N.L. (NEAM), selepas itu telah diletakkan di bawah kuasa penerima pada 3 Januari 2002. Peruntukan penuh telah disediakan di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Januari 2002.

## **CARIGALI**

Pada tahun yang ditinjau, aktiviti carigali yang minimal telah dijalankan dan usaha telah tumpukan untuk mencari pihak luar bagi menjalankan projek-projek berrisiko tinggi, sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Ini adalah selaras dengan keputusan Kumpulan untuk mengkaji semula penglibatannya dalam projek-projek tersebut memandangkan harga logam yang tidak stabil, khususnya emas, dan hasil carigali yang lebih rendah daripada jangkaan.

## **Malaysia**

### **Prospek Tavai Nickel-Cobalt Laterite, Sabah**

Program carigali fasa kedua yang melibatkan sebanyak 170 lubang gerudi berlian dan kerja ujian logam, yang telah dirangka untuk mewujudkan potensi dari segi ekonomi bagi sumber laterit yang mengandungi nikel dan sumber laterit menghasilkan kobalt di Tavai Plateau, tidak dijalankan pada tahun ini disebabkan oleh harga nikel yang tidak stabil. Walau bagaimanapun, selepas menjalankan kajian semula projek tersebut, Kumpulan telah memutuskan untuk meneruskan usahanya dengan program penggerudian dan kerja ujian logam yang terhad pada suku pertama tahun 2002.



The second phase exploration programme will now consist of 2 stages. The initial stage will comprise of 80 drillholes covering a period of about 6 months. The decision on the second stage will be dependent on the positive outcome of the first stage exploration results.

#### **Merapoh Gold Prospect, Pahang**

Invitations to outsource the project were extended to several local and overseas companies. A local company was subsequently selected. However, this Company decided to withdraw from the project in December 2001.

Meanwhile, another local gold mining company, which has indicated its interest in the project, is currently reviewing the results from the diamond and reverse circulation drill holes carried out by the Group in 2000.

#### **Negeri Sembilan Gold Prospect**

The second draft agreement between MMC and the Negeri Sembilan State Government for the discovery and development of commercial mineral resources within a 4,690 square kilometre area is being reviewed by the State. Finalisation of the agreement is expected in mid 2002.

Kini, fasa kedua program carigali ini meliputi 2 peringkat. Peringkat awal akan mengandungi 80 lubang gerudi yang meliputi tempoh lebih kurang 6 bulan dan keputusan untuk meneruskan program peringkat kedua pula akan bergantung kepada keputusan positif daripada usaha carigali peringkat pertama.

#### **Prospek Emas Merapoh, Pahang**

Tawaran untuk mencari sumber luar bagi projek ini telah diberi kepada beberapa syarikat tempatan dan luar negeri. Sebuah syarikat tempatan yang dipilih walau bagaimanapun telah menarik diri daripada projek berkenaan pada bulan Disember 2001.

Sementara itu, sebuah lagi syarikat perlombongan emas tempatan, yang menyatakan minat dalam projek ini, sedang mengkaji keputusan daripada lubang-lubang gerudi kitaran berlian dan berbalik yang dijalankan oleh Kumpulan pada tahun 2000.

#### **Prospek Emas Negeri Sembilan**

Draf perjanjian kedua antara MMC dengan Kerajaan Negeri Sembilan untuk penerokaan dan pembangunan sumber galian komersial di kawasan seluas 4,690 kilometer sedang dikaji oleh Negeri berkenaan. Perjanjian tersebut dijangka akan selesai pada pertengahan tahun 2002.

## **OVERSEAS**

### **Lao People's Democratic Republic (Lao PDR)**

#### **Lao Gold and Base Metal Project**

In December 2000, a notice was sent to the Lao Government that Mekong Minerals Corporation Limited (MMCL) had decided not to proceed with the project and consequently relinquished all exploration tenements back to the Government. MMC, in a Special Resolution, requested the joint venture partner for its consent to liquidate MMCL.

However, the joint-venture intended to outsource the project to an interested third party by December 2001.

The exercise proved unsuccessful and efforts are currently being undertaken to liquidate MMCL.

### **Indonesia**

#### **Cempaka Danau Seran Alluvial Diamond Project, Kalimantan**

In view of the lower than anticipated diamond recovery, the Group, in January 2001, decided to cease funding the project and to make the necessary arrangements to dispose of its interest in the project.

The Group subsequently finalised the disposal of all its interests to a Canadian company with the execution of Share Sale Agreements in November 2001.

## **LUAR NEGERI**

### **Republik Demokratik Rakyat Lao (Lao PDR)**

#### **Projek Emas dan Logam Basa di Lao**

Pada bulan Disember 2000, satu notis telah dihantar kepada Kerajaan Lao menyatakan bahawa Mekong Minerals Corporation Limited (MMCL) telah memutuskan untuk tidak meneruskan projek ini dan seterusnya mengembalikan semua kawasan carigali kepada Kerajaan Lao. MMC, dalam satu Resolusi Khas, telah meminta persetujuan rakan usahasanya untuk membubarkan MMCL.

Walau bagaimanapun, rakan usahasa tersebut berhasrat supaya projek tersebut disalurkan untuk diusahakan kepada pihak ketiga yang berminat selewat-lewatnya pada bulan Disember 2001.

Oleh kerana langkah berkenaan tidak berjaya, usaha sedang dijalankan untuk membubarkan MMCL.

### **Indonesia**

#### **Projek Berlian Aluviam Cempaka Danau Seran, Indonesia**

Memandangkan penemuan berlian yang lebih rendah berbanding jangkaan, pada bulan Januari 2001, Kumpulan telah memutuskan untuk menghentikan pembiayaan projek tersebut dan mengatur langkah-langkah perlu untuk melupuskan kepentingannya dalam projek ini.

Seterusnya, Kumpulan telah menyelesaikan penjualan semua kepentingannya dalam projek berkenaan kepada sebuah syarikat dari Kanada dengan pelaksanaan Perjanjian Jualan Saham pada bulan November 2001.

## **Kyrgyz Republic**

### **Taldy-Bulak Gold Project**

The Internal Rate of Return (IRR) of the project was not considered viable due to the low gold price which has dropped from USD300 to a low of USD270 per oz. The project is also not robust enough to withstand changes in the capital expenditure and operating cost. Efforts are being made to address the technical issues with the relevant Kyrgyz Authorities and proposals have been submitted to the Kyrgyz Government with a view to improving returns. These include tax incentives, certain concessions and an increase in MMC's equity interest as well as putting the project on hold until gold prices increase and stabilise at a more remunerative level.

Discussions are also being held with potential third parties on their possible participation in the project.

## **Republik Kyrgyz**

### **Projek Emas Taldy-Bulak**

Kadar Pulangan Dalaman (IRR) projek ini dianggap tidak berdaya maju disebabkan oleh harga emas yang rendah yang jatuh daripada USD300 sehingga USD270 seauns. Projek ini juga tidak cukup mantap untuk melaksanakan perubahan perbelanjaan modal dan kos operasi. Usaha telah terus dilaksanakan untuk menangani isu-isu teknikal berkaitan dengan Pihak Berkuasa Kyrgyz dan cadangan-cadangan telah dikemukakan kepada Kerajaan Kyrgyz dengan matlamat untuk mempertingkatkan pulangan. Cadangan tersebut meliputi insentif cukai, konsesi tertentu dan pertambahan kepentingan ekuiti MMC serta menunda projek berkenaan sehingga harga emas kembali pulih dan stabil pada tahap yang menghasilkan keuntungan lebih baik.

Beberapa perbincangan turut diadakan dengan pihak ketiga yang berpotensi mengenai kemungkinan penyertaan mereka dalam projek ini.

*Refurbishment work on the Stormer Armoured Personnel Carrier at the Group's Defence Engineering Workshop in Nilai, Negeri Sembilan*

*Kerja baikpulih Kenderaan Pengangkut Berperisai Stormer di Bengkel Kejuruteraan Pertahanan Kumpulan di Nilai, Negeri Sembilan*



*Column Joint Castings for KLIA, Sepang*

*Tuangan Penyambung Turus bagi KLIA, Sepang*

## ENGINEERING

### Defence

For the year under review, MMC Defence Sendirian Berhad (MMC Defence) signed an extension contract for the complete overhaul, refurbishment and recommissioning of 60 units of Condor Armoured Personnel Carriers with the Ministry of Defence (MINDEF). The contract is for three years commencing 2001.

The extension of the contract is seen as an acknowledgement of MMC Defence's competency in this business segment. MMC Defence intends to leverage its capability and is currently pursuing other projects within this core competency. This includes the overhaul and upgrading of the Scorpion Combat Vehicle Reconnaissance Tanks and Stormer Armoured Personnel Carriers and the overhaul of Sibmas Armoured Fire Support Vehicles (AFSV).

With these projects in the pipeline, MMC Defence is planning to expand its workshop space.

### Foundry and Transport

The lack of demand and keen competition continue to affect the performance of MMC Metal Industries Sendirian Berhad (MMC Metal). Traditional markets for mining, quarry and general engineering remained subdued during the year under review.

MMC Metal was awarded the contract for the Design, Manufacture, Fabrication, Delivery, Testing and Commissioning of 195 Units of Bogie Container Flat (BCF) Wagons during the year from the Ministry of Transport. The contract is valued at RM38.0 million and is expected to be completed in July 2002.

## KEJURUTERAAN

### Pertahanan

Bagi tahun yang ditinjau, MMC Defence Sendirian Berhad (MMC Defence) telah menandatangani kontrak untuk projek baik pulih menyeluruh dan peningkatan serta pentauliah semula 60 unit Kenderaan Pengangkut Berperisai Condor dengan Kementerian Pertahanan (MINDEF). Projek tersebut adalah untuk tempoh 3 tahun bermula daripada tahun 2001.

Pelanjutan kontrak tersebut dilihat sebagai pengiktirafan terhadap keupayaan MMC Defence dalam segmen perniagaan ini. MMC Defence berhasrat untuk memanfaatkan kemampuannya dan sedang berusaha memperoleh projek-projek lain sesuai dengan kemantapan bidang terasnya. Antara lain, ia meliputi kerja baik pulih dan peningkatan Kereta Kebal Peninjau Kenderaan Tempur Scorpion, APC Stormer dan Kenderaan Sokong Bersenjata Berperisai Sibmas untuk Angkatan Tentera Malaysia.

Memandangkan projek-projek yang akan dilaksanakan telah meningkat, MMC Defence juga sedang merancang untuk meluaskan lagi bengkelnya.

### Peleburan Keluli dan Pengangkutan

Kekurangan permintaan dan persaingan hebat terus menjedakan prestasi MMC Metal Industries Sendirian Berhad (MMC Metal). Sektor-sektor perlombongan, kuari, simen dan kejuruteraan am yang kekal sebagai pasaran tradisi bahagian ini terus lemah pada tahun yang ditinjau.

MMC Metal telah diberi kontrak untuk Merekabentuk, Mengilang, Memfabrikasi, Menghantar, Menguji dan Mentauliah 195 buah gerabak 'Bogie Container Flat' keretapi untuk Kementerian Pengangkutan. Kontrak tersebut bernilai RM38.0 juta dan dijangka akan siap pada bulan Julai 2002.

*Pipe jointing process for Natural Gas Distribution System to Yi Lai Industries Berhad in Kulai, Johor*

*Proses penyambungan paip bagi Sistem Pengagihan Gas Asli ke Yi Lai Industries Berhad di Kulai, Johor*



*Laying a pipeline for Natural Gas Distribution System to Yi Lai Industrial Berhad in Kulai, Johor*

*Pemasangan saluran paip untuk Sistem Pengagihan Gas Asli ke Yi Lai Industries Berhad di Kulai, Johor*



With the increased capacity in the rail transportation sector as a result of the double tracking system implemented by the Government, the company is confident of securing further contracts for the supply of railway bogies.

#### **Gas and Pipeline Engineering**

During the year, MMC Engineering & Construction Sendirian Berhad completed the Natural Gas Distribution System to Yi Lai Industries in Kulai for Gas Malaysia Sendirian Berhad. The contract, valued at RM5.1 million, was completed in June 2001.

The company was also successful in securing another Natural Gas Pipeline Project from Gas Malaysia in Prai, Pulau Pinang. The contract, valued at RM3.8 million, commenced in October 2001 and is scheduled to be completed in September 2002.

#### **Heavy Industry and Mechanical Fabrication**

For the financial year under review, Tepat Teknik Sendirian Berhad continued to register a satisfactory performance. Major contributors to total turnover continued to be from its traditional business sectors of oil and gas, power generation, petrochemical and general industries.

Syarikat yakin akan memperolehi peningkatan kontrak bagi pembekalan bogie keretapi berikutan pertambahan kapasiti dalam sektor pengangkutan keretapi yang timbul daripada pembinaan sistem landasan berkembar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia.

#### **Kejuruteraan Gas dan Saluran Paip**

Pada tahun ini, MMC Engineering & Construction Sendirian Berhad telah menyiapkan Sistem Pengagihan Gas Asli untuk Yi Lai Industries di Kulai bagi Gas Malaysia Sendirian Berhad. Kontrak tersebut yang bernilai RM5.1 juta itu telah disiapkan pada bulan Jun 2001.

Syarikat juga berjaya memperolehi satu lagi projek saluran gas asli daripada Gas Malaysia di Prai, Pulau Pinang. Kontrak yang bernilai RM3.8 juta ini, telah bermula pada bulan Oktober 2001 dan dijadualkan siap pada bulan September 2002.

#### **Industri Berat dan Fabrikasi Mekanikal**

Bagi tahun di bawah tinjauan, Tepat Teknik Sendirian Berhad terus mengekalkan prestasi yang memuaskan. Perolehan terus dijana terutamanya daripada para pelanggan tradisi dalam bidang-bidang industri minyak dan gas, penjaan tenaga, petrokimia dan industri am.

*Completed process columns ready for delivery to MLNG Tiga Plant Project, Bintulu, Sarawak*

*Turus proses yang telah sedia untuk dihantar ke Loji MLNG Tiga, Bintulu, Sarawak*



*Supply of pressure vessels and process columns for the MLNG Tiga Plant Project, Bintulu, Sarawak*

*Bekalan vessel tekanan dan turus Projek Loji MLNG Tiga, Bintulu, Sarawak*

Some of the major contracts secured and implemented during the year were as follows:

- Construction of three (3) units storage tanks at Kuantan Port Industrial Area, Pahang, for FPG Oleochemicals Sendirian Berhad
- Fabrication and erection of steel structure works for Segari Power Plant, Lumut, Perak
- Piping work for a 720MW Combined Cycle Power Plant at Teluk Gong, Melaka, for Siemens Power Generation Asia Pacific Sendirian Berhad
- Fabrication of pressure vessels and filters for MLNG Tiga Plant Project at Bintulu, Sarawak
- Underground and aboveground circulating water piping for a 350MW Combined Cycle Gas Turbine Power Plant Project at Prai, Pulau Pinang, for TPK Engineering & Construction (Malaysia) Sendirian Berhad
- Supply and installation of fire rated fire wall partitions and steel protection for M176 Manjung Power Station Building Works

In January 2002, the company successfully secured a contract for the supply, installation and commissioning of 10 units of Heat Recovery Steam Generator for PT Arun NGL Company in Indonesia. The contract valued at RM46.0 million, is scheduled for completion in the third quarter of 2003.

Antara kontrak utama yang diperolehi dan dilaksanakan pada tahun ini adalah seperti berikut:

- Pembinaan tiga (3) unit tangki penyimpanan di Kawasan Perindustrian Pelabuhan Kuantan, Pahang untuk FPG Oleochemicals Sendirian Berhad;
- Fabrikasi dan pembinaan kerja-kerja struktur keluli untuk Loji Janakuasa Segari, Lumut, Perak;
- Kerja pemasangan paip untuk Loji Janakuasa Kitar Padu 720MW di Teluk Gong, Melaka untuk Siemens Power Generation Asia Pacific Sendirian Berhad;
- Fabrikasi vessel dan penapis tekanan untuk Projek Loji MLNG Tiga di Bintulu, Sarawak;
- Pemasangan paip di bawah dan di atas tanah untuk Loji Janakuasa Turbin Gas Kitar Padu 350MW di Prai, Pulau Pinang untuk TPK Engineering & Construction (Malaysia) Sendirian Berhad; dan
- Pembekalan dan pemasangan dinding penghadang api dan perlindungan keluli untuk Kerja Bangunan Stesen Janakuasa Manjung M176.

Pada bulan Januari 2002, syarikat telah berjaya mendapatkan kontrak pembekalan, pemasangan dan pentauliahan 10 unit Penjana Wap Pemulih Haba untuk PT Arun NGL Company di Indonesia. Kontrak berkenaan bernilai RM46.0 juta dan dijadualkan siap pada suku ketiga tahun 2003.

*The teacher's quarters at Kulim Polytechnic Complex*

*Kuarters guru di Kompleks Politeknik Kulim*



*Quayside container cranes for Port of Tanjung Pelepas*

*Kren Kontena sisi dermaga untuk Pelabuhan Tanjung Pelepas*

## **CIVIL AND BUILDING CONSTRUCTION**

### **Proposed Construction of the Kulim Polytechnic Complex**

The construction of Kulim Polytechnic, undertaken by MMC-GTM Bina Sama Sendirian Berhad in the last financial year, progressed smoothly and is to be completed in December 2002. The complex, which is sited on a 40 ha land adjacent to the Kulim Hi-Tech Park, comprises 42 blocks of buildings designed to cater for different client requirements.

### **Quayside Container Cranes for Port of Tanjung Pelepas**

An unincorporated joint-venture by MMC Engineering & Construction Sendirian Berhad and Shanghai Zhenhua Port Machinery Co. Ltd. was awarded the contract for the design, construction, delivery and installation, testing and commissioning of 5 units of quayside container cranes for the Port of Tanjung Pelepas. The contract, which is valued at RM97.1 million, is expected to be completed in August 2002.

### **Engineering Design Consultancy Services**

MMC Oil & Gas Engineering Sendirian Berhad (MMC O & G) continued to perform commendably and made significant achievement in offshore and onshore works. MMC O & G successfully maintained its market share with traditional clients such as Esso Production Malaysia Inc. (EPMI), Petronas Carigali, Petronas Penapisan Melaka, Nippon Oil Exploration Ltd and Sarawak Shell Berhad whilst developing new clients.

## **PEMBINAAN AWAM DAN BANGUNAN**

### **Cadangan Pembinaan Kompleks Politeknik Kulim**

Pembinaan kompleks Politeknik Kulim yang dilaksanakan oleh MMC-GTM Bina Sama Sendirian Berhad pada tahun kewangan lepas berjalan mengikut jadual dan dijangka akan siap pada bulan Disember 2002. Kompleks yang terletak di kawasan seluas 40 hektar bersebelahan dengan Kulim Hi-Tech Park, meliputi 42 blok bangunan serbaguna direkabentuk khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan para pelanggan.

### **Kren Kontena Sisi Dermaga untuk Pelabuhan Tanjung Pelepas**

Usahasama yang tidak diperbadankan antara MMC Engineering & Construction Sendirian Berhad dan Shanghai Zhenhua Port Machinery Co. Ltd. (MMC-ZPMC) telah diberi kontrak merekabentuk, pembinaan, penghantaran dan pemasangan, ujian dan pentauliahan 5 unit kren kontena quayside Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP). Kontrak tersebut yang bernilai RM97.1 juta, dijangka akan siap pada bulan Ogos 2002.


### **Perkhidmatan Rundingan Rekabentuk Kejuruteraan**

MMC Oil & Gas Engineering Sendirian Berhad (MMC O&G) meneruskan prestasi membanggakan dan mencatat pencapaian penting dalam kerja-kerja di luar pesisir dan di pantai. Sambil meningkatkan bilangan pelanggan barunya, MMC O&G berjaya mengekalkan pelanggan-pelanggan pasaran tradisinya seperti Esso Production Malaysia Inc (EPMI), Petronas Carigali, Petronas Penapisan Melaka, Nippon Oil Exploration Ltd dan Sarawak Shell Berhad.



*Input of design data by PDMS operator for an offshore platform design*

*Operator PDMS memasukkan data rekabentuk untuk rekabentuk platform luar pesisir*



*3-D view of Irong Barat-A platform for Exxon Mobil Exploration and Production Inc.*

*Pemandangan 3-D pelantar Irong Barat-A untuk Exxon Mobil Exploration and Production Inc.*

During the year under review, more than 250,000 manhours of detailed engineering and design engineering services for both offshore developments and onshore plants were provided to various clients on the following projects:

- Retrofit contracts as exclusive Detailed Design Engineering Consultant to Petra Resources Sendirian Berhad for EPMI's Irong Barat Expansion Project and Construction Services.
- Conceptual design Engineering Services for Phase 2 of B11 for Sarawak Shell Berhad.
- Detailed Design and Procurement Assistance Projects for Nippon Oil Exploration Ltd.
- Detailed Engineering Sub-Contractor to Malaysia Shipyard & Engineering Sendirian Berhad for Lundin's Bunga Seroja A Wellhead Riser Platform Project.
- Provision of Engineering Services for the Host tie-ins at Seligi A for EPMI.
- Detailed design for various turnaround projects and modification works for Petronas Penapisan Melaka.
- Additional Nitrogen Plant for Asean Bintulu Fertiliser.
- Modifications on Existing Semarang – B Facilities for Petronas Carigali.

Bagi tahun yang ditinjau, lebih daripada 250,000 jam manusia perkhidmatan kejuruteraan dan rekabentuk terperinci untuk pembangunan di loji-loji luar pesisir dan di pantai telah diberi kepada pelbagai pelanggan bagi projek-projek berikut:

- Kontrak penyesuaian semula (retrofit) sebagai Perunding Kejuruteraan Rekabentuk Terperinci eksklusif untuk Petra Resources Sendirian Berhad bagi Projek Pengeluaran Irong Barat milik EPMI.
- Perkhidmatan Kejuruteraan Rekabentuk Konsep Fasa 2 B11 untuk Sarawak Shell Berhad.
- Projek-projek Rekabentuk Terperinci dan Bantuan Pemerolehan untuk Nippon Oil Exploration Ltd.
- Sub-Kontraktor Kejuruteraan terperinci untuk Malaysia Shipyard & Engineering Sendirian Berhad bagi Projek Pelantar Penggera Wellhead Bunga Seroja A untuk Lundin.
- Penyediaan Perkhidmatan Kejuruteraan untuk Gelung ikatan dalam (Host tie-ins) di Seligi A untuk EPMI.
- Rekabentuk terperinci bagi pelbagai projek pemuliharaan dan kerja-kerja pengubahsuaian untuk Petronas Penapisan Melaka.
- Loji Nitrogen tambahan bagi Asean Bintulu Fertiliser.
- Pengubahsuaian ke atas Fasilitas Semarang – B untuk Petronas Carigali.



*Night vision of the  
Lumut Power Plant*  
*Pemandangan di waktu malam  
Loji Janakuasa Lumut*



New projects secured during the year and currently being implemented are the Murphy Oil's Detailed Design and Engineering Services for West Patricia Development Project, Petronas Carigali's Kinarut Development Project and Sarawak Shell Berhad's B11P-A Process and Utility Topsides and Structure Detailed Design through Sime Semcorp Engineering Sendirian Berhad.

MMC O&G has started collaboration on a project basis with local fabricators and hook-up commissioning contractors to undertake Engineering, Procurement, Construction and Commissioning (EPCC) projects.

## **INFRASTRUCTURE & UTILITIES**

### **Power Generation**

The financial year under review was a busy and fruitful one with the conclusion of several crucial agreements in relation to GB3 Sendirian Berhad's combined cycle gas turbine project (GB3 Project) and the Kapar Power Station acquisition.

In addition, a bonus issue on the basis of two new ordinary shares of RM1.00 each (Bonus Shares) for every one existing Malakoff share held was completed with the quotation and listing of 559,502,668 Bonus Shares on 5 December 2001.

For the financial year ended 31 August 2001, the Malakoff Group achieved higher revenues of RM1,513.5 million, representing a 2.6% increase against a turnover of RM1,473.2 million recorded in the same period last year.

Antara projek baru yang diperolehi pada tahun ini dan sedang dilaksanakan adalah Rekabentuk Terperinci untuk Murphy's Oil dan perkhidmatan kejuruteraan bagi projek Pembangunan West Patricia, Projek Pembangunan Kinarut milik Petronas Carigali dan Proses B11PA dan Bahagian Atas (Topside) Kemudahan milik Sarawak Shell Berhad serta Rekabentuk Terperinci Struktur melalui Sime Semcorp Engineering Sendirian Berhad.

MMC O&G telah memulakan kerjasama berasaskan projek dengan syarikat fabrikasi tempatan dan kontraktor pentauliahan "hook-up" untuk melaksanakan pelbagai projek Kejuruteraan, Pemerolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC).

## **INFRASTRUCTURE & UTILITIES**

### **Power Generation**

Tahun kewangan yang ditinjau merupakan satu tahun yang sibuk dan menguntungkan dengan penyelesaian beberapa perjanjian penting berhubung dengan projek turbin gas kitar padu GB3 Sendirian Berhad (Projek GB3) dan pengambilalihan Stesen Janakuasa Kapar.

Di samping itu, satu terbitan bonus berasaskan dua saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham (Saham Bonus) bagi setiap satu saham Malakoff sedia ada telah diselesaikan dengan sebutharga dan penyeranaan 559,502,668 Saham Bonus pada 5 Disember 2001.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2001, Kumpulan Malakoff telah mencapai hasil yang lebih tinggi sebanyak RM1,513.5 juta, meningkat 2.6% daripada perolehan RM1,473.2 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lepas.

*Transformer at Lumut Power Plant*

*Transformer di Loji Janakuasa Lumut*



*Main control room of the Lumut Power Plant*

*Bilik pengawalan utama di Loji Janakuasa Lumut*

The higher revenues can be attributed to the consistent commendable performance of the Lumut Power Plant.

The profit after tax and minority interests for the financial year ended 31 August 2001 was RM318.0 million, a 7.6% decline from the RM344.2 million achieved in the previous financial year. This is mainly due to the prudent decision made to provide for the permanent diminution in the value of quoted investments which are affected by the stock market's performance during the year.

In addition, the group's profit after taxation and minority interests for the year ended 31 August 2000 included gains from the disposal of quoted investments. Hence, earnings per share dipped accordingly to 113.90 sen from 125.20 sen previously.

The mainstay of the group's business, power generation grew at a steady pace during the financial year ended 31 August 2001. Net energy output reached 10,318MWh, an increase of 4% over the previous corresponding period while availability factor improved from 92.9% to 95.8%.

The development and construction of the GB3 Project was the main focus of the year's activities. One of the main highlights for the project was the signing of the Power Purchase Agreement (PPA) with Tenaga Nasional Berhad on 28 June 2001, which sealed the revenue stream for GB3 Sendirian Berhad for the next 21 years.

Hasil yang lebih tinggi ini didorong oleh prestasi cemerlang yang konsisten di Loji Tenaga Lumut.

Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2001 adalah RM318.0 juta, menurun 7.6% berbanding RM344.2 juta yang dicapai pada tahun kewangan sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya oleh keputusan berhemat yang dibuat bagi peruntukan untuk penurunan kekal nilai pelaburan disebutbarga yang terjejas disebabkan oleh prestasi pasaran saham pada tahun ini.

Di samping itu, keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti kumpulan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2000 meliputi keuntungan daripada penjualan pelaburan yang disebutbarga. Justeru, selaras dengan itu, pendapatan sesaham merosot kepada 113.90 sen daripada 125.20 sen sebelumnya.

Penjanaan tenaga yang menjadi aktiviti teras kumpulan berkembang pada kadar yang mantap sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2001. Output tenaga bersih mencapai 10,318 MWh, meningkat 4% berbanding tempoh yang sama sebelumnya sementara faktor ketersediaan meningkat daripada 92.9% kepada 95.8%.

Pembangunan dan pembinaan Projek GB3 menjadi fokus utama aktiviti tahun ini. Salah satu daripada peristiwa penting projek ini adalah kejayaan memeterai Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan Tenaga Nasional Berhad pada 28 Jun 2001, yang menjamin aliran hasil bagi GB3 Sendirian Berhad untuk tempoh 21 tahun akan datang.

*Air intake area at the  
Lumut Power Plant*  
*Kawasan penyedutan udara di  
Loji Janakuasa Lumut*



As at 28 February 2002, all three units of the open cycle operation of the GB3 Project have been commissioned as scheduled. The conversion to the combined cycle operation is expected to be completed by January 2003. All construction works are also progressing on schedule.

As for the Kapar Power Station acquisition, both Malakoff and its wholly-owned subsidiary, Kapar Energy Ventures Sendirian Berhad (KEV) have, on 31 December 2001, mutually agreed with TNB to effect another extension up to 31 March 2002 to facilitate the negotiations and finalisation of the supplemental agreement to the Asset Sale Agreement and revisions to the project agreements and commercial agreements. A Heads of Agreement to reflect the revised parameters of the above acquisition was signed on 21 January 2002.

During the year under review, wholly-owned subsidiary, Teknik Janakuasa Sendirian Berhad (TJSB) has commenced the mobilisation phase of the GB3 Project and is in the pre-mobilisation stage for the Prai Power Plant in Penang. On 19 December 2000, TJSB's 51%-owned subsidiary, Natural Analysis Sendirian Berhad (NASB) entered into a conditional Operations and Maintenance Agreement with SKS Ventures Sendirian Berhad for the operation and maintenance of the Prai Power Plant's 350MW combined cycle gas turbine power plant.

Pada 28 Februari 2002, ketiga-tiga unit operasi kitar terbuka Projek GB3 telah ditauliahkan mengikut jadual. Penukaran kepada operasi kitar padu dijangka akan diselesaikan menjelang bulan Januari 2003. Semua kerja pembinaan berjalan mengikut jadual.

Bagi pengambilalihan Stesen Janakuasa Kapar, Malakoff dan syarikat subsidiari milik sepenuhnya, Kapar Energy Ventures Sendirian Berhad (KEV) telah mencapai persetujuan dengan TNB pada 31 Disember 2001 untuk melaksanakan lanjutan sehingga 31 Mac 2002 untuk membuka laluan kepada perbincangan dan penyelesaian perjanjian tambahan kepada Perjanjian Jualan Aset dan semakan semula kepada perjanjian-perjanjian projek dan komersial. Perjanjian Induk untuk menyemak semula perkara utama pengambilalihan di atas telah ditandatangani pada 21 Januari 2002.

Pada tahun yang ditinjau, syarikat subsidiari milik penuh Malakoff, Teknik Janakuasa Sendirian Berhad (TJSB) telah memulakan fasa mobilisasi Projek GB3 sementara projek Loji Janakuasa Prai di Pulau Pinang berada pada fasa pra mobilisasi. Pada 19 Disember 2000, Natural Analysis Sendirian Berhad (NASB), syarikat subsidiari 51% milik TJSB telah menyertai Perjanjian Operasi dan Penyenggaraan bersyarat dengan SKS Ventures Sendirian Berhad bagi operasi dan penyenggaraan loji janakuasa turbin gas kitar padu berkeupayaan 350MW di Loji Janakuasa Prai.

*Power Purchase Agreement  
signing ceremony by  
GB3 Sendirian Berhad*

*Majlis menandatangani Perjanjian  
Pembelian Tenaga oleh  
GB3 Sendirian Berhad*



With KL Sentral now officially launched, Wirazone Sendirian Berhad's (Wirazone) activities for the KL Sentral Development Area (KL Sentral) has expanded accordingly. When the office blocks, hotels and condominiums are occupied in 2002, customer numbers are expected to jump from the present 25 to approximately 400. In addition, the scaled-down district cooling system currently operated by Wirazone will eventually be expanded to cater to the needs of the four Sentral Plaza office towers.

Since the Malakoff group's business is domestic-oriented, the group is better insulated in the face of a global economic slowdown that has been further exacerbated by the tragic events of 11 September 2001 and its aftermath.

It is hoped that the Malaysian Government's RM4.3 billion stimulus package and the Budget 2001 will indeed provide the incentives for greater economic activities and increased consumer spending.

#### **Natural Gas Distribution**

The year under review has been a particularly challenging period. The high cost of energy has adversely affected the competitiveness of the local industry with a number of customers relocating their manufacturing operations to other countries.

The upward trend of Medium Fuel Oil (MFO) price since 1998 due to high crude oil price has eroded the competitive positioning of natural gas compared to alternatives fuels. The trend has declined since September 2001 due to downward pressure on crude oil price resulting in lower average indexation level and lower average tariff charged to customers during the year.

Dengan pelancaran rasmi KL Sentral, aktiviti Wirazone Sdn Bhd (Wirazone) untuk Kawasan Pembangunan KL Sentral (KL Sentral) turut bertambah. Apabila blok pejabat, hotel dan kondominium mula diduduki pada tahun 2002, bilangan pelanggan dijangka akan turut meningkat daripada 25 hingga kepada kira-kira 400. Di samping itu, sistem pendingin lingkaran kecil yang kini di bawah kendalian Wirazone akan turut diperluaskan lagi untuk memenuhi keperluan empat menara pejabat Plaza Sentral.

Memandangkan perniagaan Malakoff berorientasikan domestik, kumpulan ini tidak terganggu berikutan kemelesetan ekonomi global yang semakin buruk lanjutan tragedi 11 September 2001 dan selepasnya.

Pakej rangsangan yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia berjumlah RM4.3 bilion dan Belanjawan 2001 diharap akan dapat memberi insentif kepada ekonomi yang lebih bermakna dan membantu mempertingkatkan perbelanjaan pengguna.

#### **Pengedaran Gas Asli**

Tahun yang ditinjau merupakan satu tempoh yang mencabar. Kos tenaga yang tinggi telah menjejaskan dengan ketara daya saingan industri tempatan. Beberapa pelanggan telah memindahkan operasi mereka ke negara-negara lain.

Peningkatan harga Minyak Bahanapi Pertengahan (MFO) sejak tahun 1998 disebabkan oleh harga minyak mentah yang tinggi telah menurunkan kedudukan daya saingan gas asli berbanding bahan api alternatif. Arah aliran tersebut telah menurun sejak bulan September 2001 disebabkan tekanan ke atas harga minyak mentah yang merendahkan lagi tahap indeks purata serta caj tarif purata yang lebih rendah kepada para pelanggan pada tahun ini.

*Laying of Polyethylene (PE) and steel pipes along the Common Utility Tunnel (CUT), Putrajaya*

*Pemasangan paip Polyethylene (PE) dan keluli di sepanjang Terowong Utiliti Bersama (CUT) Putrajaya*



*Preventive Maintenance Activity – Station check*

*Aktiviti Penyelenggaraan Pencegahan – Pemeriksaan stesen*



During the period under review, Gas Malaysia continued to stimulate recovery of the Malaysian economy by offering a 15% energy rebate to customers consuming above 5,000 mmBtu per annum. As at 31 January 2002, the energy rebate given to customers amounted to RM43.3 million.

Total gas sold during the year was 24.502 million mmBtu reflecting a decrease of 3% compared to the financial year 2001 due to lower consumption by several industrial customers as a result of switch to alternative fuels owing to the high natural gas price. New customers contributed 1% to the total sales volume.

Turnover for the financial year 2001/02 was RM491.5 million, 17% lower than the previous year due to lower sales volume and lower average tariff charged during the year under review. The profit before tax recorded during the period was RM63.4 million.

Gas Malaysia's current natural gas profile comprises 193 industrial customers, 1,313 residential customers and 91 commercial customers.

The industrial sector contributed 98% to total sales volume. Customers in the non-metallic mineral products contributed 23% followed by glass products (21%), chemical products (17%), rubber products (16%), basic metal (8%) and electrical and electronic products (7%).

Pada tempoh yang ditinjau, Gas Malaysia terus dirangsang oleh pemulihan ekonomi Malaysia dengan menawarkan rebet tenaga 15% kepada para pelanggannya yang menggunakan lebih daripada 5,000 mmBtu setahun. Pada 31 Januari 2001, rebet tenaga yang diberi kepada para pelanggan berjumlah RM43.3 juta.

Pada tahun ini, jualan gas mencatatkan 24.502 juta mmBtu, menggambarkan penurunan 3% berbanding tahun kewangan 2000/01 disebabkan penggunaan yang lebih rendah oleh beberapa pelanggan perindustrian hasil pertukaran kepada bahan api alternatif akibat harga gas asli yang lebih tinggi. Pelanggan baru menyumbang 1% kepada jumlah volum jualan.

Pada tahun kewangan 2001/02, Gas Malaysia mencatatkan perolehan berjumlah RM491.5 juta, 17% lebih rendah daripada tahun sebelumnya disebabkan oleh volum jualan dan caj tariff purata yang lebih rendah pada tahun yang ditinjau. Keuntungan sebelum cukai yang dicatat oleh syarikat pada tahun kewangan ini adalah sebanyak RM63.4 juta.

Sejumlah 193 pelanggan perindustrian, 1,313 pelanggan kediaman dan 91 pelanggan komersial telah dibekalkan dengan gas asli.

Sektor perindustrian menyumbang 98% daripada volum jualan keseluruhan. Pelanggan dalam produk galian bukan logam menyumbang 23% kepada jumlah volum jualan, diikuti oleh produk kaca (21%), produk kimia (17%) produk getah (16%), logam asas (8%), dan produk elektrik dan elektronik (7%).

As at 31 January 2002, Gas Malaysia operates 567 kilometres of natural gas distribution system (NGDS). During the year, 128 kilometres of pipelines were completed and supply was expanded to a new area in Kulai, Johor. Another 111 kilometres are under construction in various communities including Putrajaya, Teluk Panglima Garang, Bukit Kemuning, North Port, Jeram, Alor Gajah, Air Hitam and Prai.

To date, 3 regional offices and 10 branch offices are in operation throughout the peninsula, including a new branch office in Section 13, Shah Alam which was established during the period under review. The Kuala Lumpur branch office was relocated from Persiaran Hampshire, Jalan Ampang to Wangsa Maju with the objective of better serving the customers.

Gas Malaysia venture into the LPG business has provided the opportunity to expand beyond the immediately available network.

The year witnessed significant progress for the expansion of the LPG reticulation system to residential and commercial sectors. As at 31 January 2002, 27,943 residential customers and 90 commercial customers have been supplied with LPG. The areas of supply include the Klang Valley, Nilai, Johor Bahru and Penang.

The appointment of YBhg Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Tajuddin Ali as the Chairman in February 2001 complements the new journey of becoming an 'Enabling Corporation' dedicated to providing energy solutions for its customers.

Pada 31 Januari 2002, Gas Malaysia mengendalikan sistem pengagihan sepanjang 567 kilometer. Pada tahun ini, 128 kilometer saluran paip telah disiapkan dan bekalan telah diperluaskan ke kawasan baru di Kulai, Johor. Sementara itu, 111 kilometer lagi sedang dalam pembinaan di beberapa kawasan termasuk Putrajaya, Teluk Panglima Garang, Bukit Kemuning, Pelabuhan Utara, Jeram, Alor Gajah, Air Hitam dan Prai.

Sehingga kini, 3 pejabat kawasan dan 10 pejabat cawangan beroperasi di seluruh semenanjung, termasuk pejabat cawangan baru di Seksyen 13, Shah Alam yang telah ditubuhkan sepanjang tahun di bawah tinjauan. Pejabat cawangan Kuala Lumpur telah ditempatkan semula dari Persiaran Hampshire Jalan Ampang ke Wangsa Maju dengan objektif untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan.


Penerokaan Gas Malaysia ke dalam perniagaan LPG telah menyediakan peluang untuknya berkembang luar daripada rangkaian sedia ada.

Tahun ini juga menyaksikan kemajuan ketara dicapai oleh sistem retikulasi LPG ke sektor kediaman dan komersial. Pada 31 Januari 2002, 27,943 pelanggan kediaman dan 90 pelanggan komersial telah menerima bekalan LPG. Kawasan bekalan meliputi Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Pelantikan YBhg Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali sebagai Pengerusi pada bulan Februari 2001 melengkapkan matlamat baru syarikat ini untuk menjadi 'Pendorong Perniagaan' yang bertujuan untuk menyediakan penyelesaian tenaga kepada para pelanggannya.



Regulating station  
Stesen pembahagian



Preventive Maintenance Activity  
– Leak survey test using  
gas detector

Aktiviti Penyelenggaraan Pencegahan  
– Ujian kebocoran menggunakan  
pengesan gas

A new vision and mission were established in July 2001 involving a change in business paradigms, from 'Demand Driven' to 'Supply Driven' and from 'Engineering Centric' to 'Marketing Centric'. The new strategic directions will involve a stabilizing of profits for a brief period of time whilst the company consolidates its resources, after which new growth opportunities shall emerge.

In July 2001, Gas Malaysia commissioned a 30 KW microturbine unit for power generation at its Head Office. The event was Malaysia's first application of Distributed Generation technology for commercial application and the first in the ASEAN region for continuous power generation. The pilot project is a showcase for future co-generation applications such as Combined Heat and Power (CHP) application.

The transition of the Quality Management System from MS ISO 9002 : 1994 to Quality System MS ISO 9001 : 2000 was successfully completed ahead of schedule during the year under review. In April 2001, Gas Malaysia adopted the ISO 14001 Environmental Management System as part of its 'Integrated Quality and Environmental Management System'. The certification for the ISO 14001 Environmental Management System is expected to be obtained from SIRIM by December 2002.

Satu wawasan dan misi baru telah digariskan pada bulan Julai 2001 yang melibatkan perubahan paradigma daripada 'Didorong Permintaan' kepada 'Didorong Bekalan' dan daripada 'Pemusatan Kejuruteraan' kepada 'Pemusatan Pemasaran'. Hala tuju strategik baru ini akan melibatkan penstabilan keuntungan untuk tempoh yang pendek semasa syarikat mengukuhkan sumbernya, sementara menanti peluang-peluang pertumbuhan baru timbul.

Pada bulan Julai 2001, Gas Malaysia telah mentauliahkan sebuah unit mikroturbin berkeupayaan 30 KW untuk penjanaan kuasa di Ibu Pajabatnya. Ini merupakan penggunaan teknologi Penjanaan Pengagihan pertama di Malaysia untuk kegunaan komersial dan pertama di rantau ASEAN bagi penjanaan tenaga berterusan. Projek perintis ini menjadi contoh untuk aplikasi penjanaan masa hadapan, khususnya aplikasi gabungan Haba dan Tenaga (CHP).

Pada tahun yang ditinjau, peralihan Sistem Pengurusan Kualiti dari MS ISO 9002 : 1994 Sistem Kualiti MS ISO 9001: 2000 telah berjaya diselesaikan lebih awal dari jadual. Pada bulan April 2001, Gas Malaysia menerima pakai Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 sebagai sebahagian daripada 'Sistem Pengurusan Kualiti dan Alam Sekitar Bersepadunya'. Pengesahan sijil Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 tersebut dijangka akan diperolehi daripada SIRIM menjelang bulan Disember 2002.

*Penanti Rest Service Area  
– Serving users' basic needs*

*Kawasan Khidmat dan  
Rehat Penanti – memenuhi  
keperluan asas pengguna*



*BKE's Gateway to East  
Coast of Peninsular*

*LBK, Gerbang ke Pantai  
Timur Semenanjung*



### **Butterworth-Kulim Highway Privatisation Project**

Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim (KLBK) Sendirian Berhad, a wholly-owned subsidiary, is the operator of the 17 kilometre open system toll highway, the Butterworth-Kulim Expressway (BKE), which links the new port, North Butterworth Cargo Terminal on the west, with Kulim Hi-Tech Park on the east.

The year under review has been a period of continued growth for KLBK. This is reflected in the increase in traffic volume and revenue during the period.

Turnover for the year 2001/2002 was RM20.0 million, 9% higher than in 2000/2001. The traffic volume of 15.9 million vehicles for the year represented an increase of 3% over last year. For the financial year ended 31 January 2002, the KLBK recorded a profit before tax of RM4.6 million compared to RM0.7 million in the previous year. This was achieved despite the deferred implementation of toll rates increase and unfavourable economic background.

The outlook for traffic on the BKE corridor is promising, considering the numbers of large scale mixed developments taking place in the vicinity. The soon to be completed East-West Highway will further increase the attractiveness of the BKE and generate some additional long distance trips traffic volume.

### **Projek Penswastan Lebuhraya Butterworth-Kulim**

Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim (KLBK) Sendirian Berhad, sebuah syarikat subsidiari milik penuh, adalah pengendali lebuhraya bertol sistem terbuka sepanjang 17 kilometer, yang dikenali sebagai Lebuhraya Butterworth-Kulim (LBK), yang menghubungkan pelabuhan baru, Terminal Kargo Butterworth Utara di bahagian barat dengan Kulim Hi-Tech Park di bahagian timur.

Tahun yang ditinjau menyaksikan tempoh pertumbuhan berterusan bagi KLBK. Ini ditampikan melalui peningkatan volum trafik dan hasil yang diperolehi dalam tempoh ini.

Pada tahun 2001/2002 KLBK mencatatkan perolehan berjumlah RM20.0 juta, meningkat 9% berbanding tahun 2000/2001. Volum trafik meningkat 3% pada tahun ini kepada sebanyak 15.9 juta kenderaan. Pada tahun kewangan berakhir 31 Januari 2002, KLBK mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.6 juta berbanding RM0.7 juta pada tahun sebelumnya. Keputusan ini telah dicapai walaupun pelaksanaan peningkatan kadar tol telah ditunda dan keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan.

Suasana masa depan trafik di koridor LBK kelihatan cerah, memandangkan bilangan pembangunan campuran secara besar-besaran yang sedang dilaksanakan di kawasan sekitarnya. Lebuhraya Timur-Barat yang akan disiapkan tidak lama lagi, akan mempertingkatkan lagi daya tarikan Lebuhraya Butterworth-Kulim dan menjana lebih banyak volum trafik perjalanan jauh.





*Pouring of tin metal for refining*

*Penuangan logam timah untuk penapisan*

On the strategic issue, KLBK is currently negotiating with the Government on new toll rates structure. It is anticipated that the new toll rates will be lower than the existing rates and thus encourage more usage of the BKE in view of the competitive toll rates offered. The compensation obtained from the exercise will enable KLBK to restructure its debts.

## **MANUFACTURING**

### **Smelting**

2001 marked a significant milestone year for Malaysia Smelting Corporation Berhad (MSC) as a result of the impressive operating and financial results achieved during the year, coupled with the decision by the company in the second half of the year to embark on a strategic long term expansion programme in an upstream tin mining business through the acquisition of a 75% equity interest in PT Koba Tin in Indonesia which was completed in April 2002. In the downstream business, MSC has already expanded into the production and marketing of tin-based industrial minerals for the global electronics industries through its 40% associate, Redring Solder (Malaysia) Sendirian Berhad. The expansion into the upstream tin mining business will transform MSC and its newly acquired subsidiary and associate into an integrated world-class tin mining, smelting, tin products manufacturing and marketing group. In 2001, the MSC group's earnings before tax increased by 22.6% to a new record level of RM33.7 million, giving an average pre-tax return of 22.3% on shareholders' funds.

Berhubung isu strategik, KLBK kini sedang berbincang dengan Kerajaan mengenai struktur kadar tol yang baru. Kadar tol baru ini dijangka akan lebih rendah daripada kadar sekarang dan akan menggalakkan lebih ramai menggunakan LKB berdasarkan kepada kadar tol berdaya saing yang ditawarkan. Pampasan yang diperolehi daripada pelaksanaan ini akan membolehkan KLBK menyusun semula hutangnya.

## **PERKILANGAN**

### **Peleburan**

Malaysia Smelting Corporation Berhad (MSC) telah mencatatkan kejayaan penting pada tahun 2001, hasil keputusan operasi dan kewangan mengkagumkan, yang dicapai pada tahun ini. Ia telah diikuti dengan keputusan syarikat ini pada separuh tahun kedua untuk memulakan program pengembangan jangka panjang strategik dalam perniagaan perlombongan bijih timah hulu melalui pengambilalihan 75% kepentingan ekuiti dalam PT Koba Tin di Indonesia yang diselesaikan pada bulan April 2002. Dalam perniagaan hiliran, MSC telahpun berkembang kepada bidang pengeluaran dan pemasaran galian perindustrian berasaskan bijih timah untuk industri perlombongan bijih timah melalui syarikat bersekutu 40% miliknya, Redring Solder (Malaysia) Sendirian Berhad. Pengembangan ke dalam perniagaan bijih timah hulu akan mengubah MSC dan syarikat subsidiari dan bersekutunya yang baru diambilalih menjadi sebuah kumpulan perlombongan bijih timah, peleburan, pengilangan dan pemasaran bijih timah bertaraf dunia. Pendapatan sebelum cukai kumpulan MSC pada tahun 2001 meningkat sebanyak 22.6% untuk mencatat rekod baru sebanyak RM33.7 juta, memberikan pulangan sebelum cukai purata 22.3% ke atas dana pemegang sahamnya.

*Casting of tin ingot*  
*Pengacuan ingot timah*



The financial position of the MSC group had strengthened further with shareholders' funds increasing from RM144.5 million to RM157.0 million at the end of 2001. The impressive performance was achieved in an extremely difficult year for the global tin industry due to the sharp fall in tin prices and weak demand for tin metal.

Despite the 15% decline in average tin price, MSC group turnover increased slightly by 1.3% to RM582.6 million due to the higher volume of production and physical trading of tin metal transacted during 2001.

The improved earnings were primarily attributed to the increase in the volume of feed materials smelted, the improvement in operational efficiencies and the significant contribution from the processing and sales of tantalum bearing tin slag. The MSC's global commercial network provided the sources for tantalum bearing tin concentrates and the market for the end-products.

The smelting and refining facilities continued to be utilised to their maximum capacity during the year. Total intake of tin concentrates and tin-bearing materials was 52,740 tonnes and MSC produced 30,418 tonnes of refined tin metal and tin products during the year, an increase of 16% from the 26,182 tonnes produced in 2000.

Kedudukan kewangan kumpulan MSC menjadi bertambah kukuh apabila dana pemegang saham meningkat daripada RM144.5 juta kepada RM157.0 juta pada akhir tahun 2001. Prestasi membanggakan ini telah dicapai pada tahun industri bijih timah dunia menghadapi kesukaran akibat kejatuhan mendadak harga timah dan permintaan logam timah yang lembap.

Walaupun harga timah merosot 15% secara purata, perolehan kumpulan MSC mencatatkan peningkatan kecil sebanyak 1.3% kepada RM582.6 juta disebabkan volum pengeluaran dan perdagangan fizikal urusan logam timah yang lebih tinggi sepanjang tahun 2001.

Pendapatan yang lebih baik ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan volum bahan yang dilebur, peningkatan kecekapan operasi dan sumbangan ketara daripada pemprosesan dan penjualan tantalum yang mengandungi sanga timah. Rangkaian perdagangan global MSC menyediakan sumber untuk tantalum yang mengandungi timah padu dan pasaran bagi produk akhir.

Kemudahan peleburan dan penapisan akan terus digunakan sehingga ke tahap kapasiti maksimum sepanjang tahun ini. Jumlah pengambilan bijih timah padu dan bahan yang mengandungi timah adalah 52,740 tan metrik dan pada tahun ini, MSC telah mengeluarkan 30,418 tan metrik logam timah yang ditapis dan produk timah, meningkat 16% daripada 26,182 tan metrik pada tahun 2000.

*High purity tin  
cathode*  
*Katod timah  
berketulenan tinggi*



MSC's growth strategy in its core business lines focuses on acquisitions where it knows its core expertise, skills and capabilities can add value and make a difference particularly in operating efficiencies, products and services, global commercial networking or in new technological developments. This strategy has resulted in the successful completion of the acquisition of a 75% interest in PT Koba Tin in April 2002 for an initial cash investment of USD14.0 million and deferred payments of not more than USD6.0 million based on future average tin price. The acquisition will offer significant synergies and strategic fit in optimizing MSC's sourcing strategy and in aligning the two companies' marketing strategies in the global market place. In addition, PT Koba Tin's core expertise in geology, mining, mineral processing, smelting and resource management will be further developed to achieve efficiency, improvements and significant cost reductions to position the group as one of the world's lowest cost producers of tin metal and tin-based products. With the anticipated combined total production in excess of 35,000 tonnes per year, the MSC group will become a leading global producer of tin metal and tin-based products contributing about 15% to the world production. In addition to the organic growth initiatives to be undertaken following the acquisition of PT Koba Tin, the MSC group will continue to search for acquisition targets aimed at widening the scope of the group's core business and moving further upstream and downstream to strengthen its global leadership position.

Strategi pertumbuhan MSC dalam barisan perniagaannya berfokus kepada langkah-langkah pengambilalihan di mana kepakaran, kemahiran dan kemampuan terasnya boleh menambah nilai dan mewujudkan perbezaan, khususnya dalam kecekapan operasi, produk dan perkhidmatan, rangkaian perdagangan global atau dalam pembangunan teknologi baru. Strategi ini telah menghasilkan kejayaan bagi penyelesaian pengambilalihan 75% kepentingan dalam PT Koba Tin pada bulan April 2002 dengan pelaburan tunai permulaan bernilai USD14.0 juta dan pembayaran tertunda tidak melebihi USD6.0 juta berasaskan kepada harga timah purata masa hadapan. Pengambilalihan ini akan menyediakan sinergi penting dan penyesuaian strategi dalam mengoptimumkan strategi pencarian sumber MSC serta penyelarasan strategi pemasaran dua buah syarikat di pasaran global. Di samping itu, untuk mencapai kecekapan, peningkatan dan penjimatan kos yang ketara bagi menempatkan Kumpulan sebagai salah satu daripada pengeluar logam timah dan produk berasaskan timah berkos paling rendah di dunia. Kepakaran teras PT Koba Tin dalam geologi, perlombongan pemprosesan mineral, peleburan dan pengurusan sumber akan dipertingkatkan lagi. Dengan jangkaan pengeluaran berjumlah lebih 35,000 tan setahun, Kumpulan MSC akan menjadi pengeluar utama dunia bagi logam timah dan produk berasaskan timah melalui sumbangan kira-kira 15% kepada pengeluaran dunia. Di samping inisiatif pertumbuhan organik yang akan dilaksanakan berikutan pengambilalihan PT Koba Tin, Kumpulan MSC akan terus meninjau pengambilalihan yang sesuai bertujuan untuk memperluaskan skop perniagaan teras Kumpulan dan melibatkan diri dengan lebih aktif dalam sektor hulu dan hilir bagi memperkukuhkan kedudukannya sebagai peneraju global.

*Tagging of finished products after quality control checks*

*Produk siap ditandakan selepas pemeriksaan kawalan kualiti*



*A QC Inspector overseeing punching of air holes on weatherstrip*

*Pemeriksa QC sedang mengawasi kerja menebuk lubang udara pada getah kalis cuaca*



The Board is optimistic on the long term earning prospects of the group following the acquisition of a 75% equity interest in PT Koba Tin. While there are some positive indicators suggesting that the world economy may be bottoming out and that a moderate revival of growth particularly in the United States and Europe could be expected in the year 2002, the weak global economic environment and excess manufacturing inventories in the year 2001 have resulted in lower consumption for tin metal and associated by-products arising from smelting operations. This has adversely affected the tin metal prices as well as output of tin concentrates. Under these circumstances, the company will continue to make the necessary adjustments in its commercial and operating strategies so as to maintain a reasonable level of profitability for the year 2002.

#### **Weathership**

Seginiaga Rubber Industries Sendirian Berhad (SRI) registered an impressive 23% increase in turnover to approximately RM38.5 million from RM31.2 million. The increase in turnover was attributed to the buoyant growth in the local automotive industry and the launching of Perodua Kelisa in the third quarter of the year. SRI has again maintained its position as the leader in weatherstrip manufacturing in Malaysia, commanding more than 70% of the domestic passenger car weatherstrip market.

SRI recorded a profit before tax of RM6.1 million compared to a loss of RM0.02 million in the previous year. The turnaround in profit is attributed to the increase in sales, improvement in productivity, efficiency and the drastic cost-down activities implemented.

Lembaga Pengarah berkeyakinan berhubung prospek pendapatan jangka panjang kumpulan ini berikutan pengambilalihan 75% kepentingan ekuiti dalam PT Koba Tin. Walaupun terdapat petunjuk positif yang menggariskan bahawa keadaan ekonomi dunia tidak akan lagi berada pada tahap terendah dan pemulihan sederhana khususnya di Amerika Syarikat dan Eropah dijangka akan dicapai pada tahun 2002, namun kelemahan persekitaran ekonomi global dan lebih inventori perkilangan pada tahun 2001 telah mengakibatkan penggunaan yang rendah bagi logam timah dan produk sampingan berkaitan yang terhasil daripada operasi peleburan. Ini telah menjejaskan dengan ketara harga logam timah serta output timah padu. Dalam menghadapi keadaan ini, syarikat akan terus melaksanakan pelarasan yang perlu dalam strategi komersial dan operasinya untuk mengekalkan tahap keuntungan yang menarik bagi tahun 2002.

#### **Getah Kalis Cuaca**

Seginiaga Rubber Industries Sendirian Berhad (SRI) mencatatkan peningkatan perolehan membanggakan sebanyak 23% daripada RM31.2 juta kepada kira-kira RM38.5 juta. Peningkatan perolehan ini didorong oleh pertumbuhan mantap industri automotif tempatan dan pelancaran Perodua Kelisa pada suku ketiga tahun ini. SRI sekali lagi mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju dalam pengilangan getah kalis cuaca di Malaysia, menguasai lebih daripada 70% pasaran getah kalis cuaca kereta penumpang domestik.

SRI mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM6.1 juta berbanding kerugian sebanyak RM0.02 juta pada tahun sebelumnya. Pemulihan keuntungan ini dihasilkan daripada peningkatan jualan, peningkatan produktiviti, kecekapan dan pelaksanaan aktiviti penjimatan kos yang drastik.

In the quest to enhance the quality of its products, SRI has implemented the QS9000 quality management system in its operations and was awarded the QS9000 certification by Sirim Berhad for excellence in the design and manufacturing of weatherstrip for automotive use in December 2001.

SRI is planning to install an additional production line to ease the production capacity that has constrained in the third quarter of this year. The additional capacity will enable SRI to aggressively explore the overseas market.

SRI has identified and initiated research on extruded rubber gaskets for the non-automotive sector as part of its product diversification exercise. SRI expects the turnover from the non-automotive sector to contribute to 50% of turnover over the next 5 years.

## **INVESTMENT**

### **Sime Darby Berhad**

The Sime Darby Berhad (Sime Darby) group posted a profit before tax of RM1,130.5 million for the financial year ended 30 June 2001, representing a decrease of 5.7% from the pre-tax of RM1,199.1 million recorded the previous year. This was mainly due to the 44.4% decline in operating profit to the Plantations Division and the higher losses incurred by Lec Refrigeration, the Philippines Region UK subsidiary which were largely offset by the improved results in the other major divisions.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti produknya, SRI telah melaksanakan sistem pengurusan kualiti QS9000 dalam operasinya dan telah dianugerahkan sijil pengesahan QS9000 oleh Sirim Berhad bagi kecemerlangan rekabentuk dan pengilangan getah kalis cuacanya, bagi kegunaan automotif pada bulan Disember 2001.

Pada suku ketiga tahun ini, SRI merancang untuk memasang barisan pengeluaran tambahan bagi mempertingkatkan keupayaan pengeluarannya. Kapasiti tambahan ini akan membolehkan SRI menerokai pasaran luar negeri dengan agresif.

Di samping itu, SRI juga telah mengenalpasti dan memulakan penyelidikan ke atas gasket getah disemperit untuk sektor bukan automotif sebagai sebahagian daripada langkah mempelbagaian produknya. Dalam tempoh 5 tahun akan datang, SRI menjangka perolehan daripada sektor bukan automotif akan menyumbang sehingga 50% daripada perolehannya.

## **PELABURAN**

### **Sime Darby Berhad**

The key to the symbol used against the subsidiaries is as follows:

- \* Not audited by KPMG

#### Inactive associates

Name of company	Country of incorporation	Group's effective interest	
		2002	2001
		(%)	(%)
Ajil Minerals Sendirian Berhad	Malaysia	49.0	49.0
Ashton-MMC Pte Limited	Singapore	40.0	40.0
Kuala Langat Mining Sendirian Berhad	Malaysia	32.6	32.6
Mining and General Management Company Limited	Thailand	35.0	35.0
PKB-MMC Sendirian Berhad	Malaysia	49.0	49.0
PT Cempaka Mining Services (formerly known as PT Malaysia Mining Corporation Indonesia)	Indonesia	–	40.0
TaldyBulak Mining Corporation	Kyrgyz Republic	40.0	40.0

### 31. COMPARATIVE FIGURES

The following comparative have been restated to reflect the correction of the overseas tax withheld as discussed in Note 11.

	Group		Company	
	As restated RM'000	As previously stated RM'000	As restated RM'000	As previously stated RM'000
Trade and other payables	195,249	177,243	34,655	16,649
Taxation	20,316	38,322	8,512	26,518

## Penyata Kewangan

- 148** Laporan Pengarah
- 152** Penyata oleh Para Pengarah
- 152** Akuan Berkanun
- 153** Laporan Juruaudit
- 154** Kunci Kira-kira
- 155** Penyata Pendapatan
- 157** Penyata Pengiktirafan Keuntungan dan Kerugian
- 158** Penyata Aliran Tunai
- 160** Nota-nota kepada Penyata Kewangan

# Laporan Pengarah bagi tahun berakhir 31 Januari 2002

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Januari 2002.

## AKTIVITI UTAMA

Syarikat menjalankan aktiviti perlombongan dan mencarigali galian serta memperolehi pendapatan daripada pelaburannya.

Aktiviti utama Kumpulan dinyatakan dalam Nota 30 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan penting dalam bentuk aktiviti ini pada tahun kewangan ini kecuali bagi Hillgrove Gold NL, yang mana Pembubar dan Pengurus telah dilantik (lihat Nota 29).

## KEPUTUSAN

	<b>Kumpulan</b> <b>RM'000</b>	<b>Syarikat</b> <b>RM'000</b>
Keuntungan bersih bagi tahun	<u>165,409</u>	<u>41,358</u>

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada tahun ini dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## DIVIDEN

Sejak akhir tahun kewangan lepas, Syarikat telah membayar:

- (i) dividen akhir sebanyak 3 sen sesaham, dikecualikan cukai dan dividen khas sebanyak 3 sen sesaham, dikecualikan cukai berjumlah RM50.168 juta pada 10 Ogos 2001.
- (ii) dividen interim 3 sen sesaham, dikecualikan cukai berjumlah RM25.084 juta berhubung dengan tahun berakhir 31 Januari 2002 pada 14 Disember 2001.

Para Pengarah mengesyorkan dividen akhir sebanyak 2 sen sesaham, tolak 28% cukai berjumlah RM12.040 juta.

## PARA PENGARAH SYARIKAT

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan lepas terdiri daripada:

Dato' Syed Abdul Jabbar Syed Hassan, Pengerusi

(Dr) Abdul Samad Haji Alias

Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong

Tan Sri Dato' Dr. Abdul Khalid bin Sahan

Datuk Alladin Hashim

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Haji Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Yaacob

Dato' Hilmi bin Mohd. Noor

Dato' Abdullah bin Mohd. Yusof (dilantik pada 31hb Oktober 2001)

Datuk Ab. Sukor Shahar (meletak jawatan pada 9hb Mac 2002)

Jamiah Abd Hamid (meletak jawatan pada 21hb Januari 2002)

Tan Sri Ibrahim Menudin (meletak jawatan pada 31hb Oktober 2001)

Dato' Mohd Desa Pachi (meletak jawatan pada 27hb Julai 2001)

Dr. Aziuddin bin Ahmad (meletak jawatan pada 2hb Julai 2001)

**PARA PENGARAH SYARIKAT (SAMB)**

Menurut Tataurusian Pertubuhan Syarikat, (Dr) Abdul Samad Haji Alias dan YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Khalid Sahan bersara mengikut giliran. YBhg. Dato' Abdullah bin Mohd. Yusof, yang dilantik sejak Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang lepas juga bersara di AGM akan datang. Oleh kerana layak, ketiga-tiga Pengarah tersebut menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula.

YBhg. Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong, yang telah mencapai usia tujuh puluh tahun, bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat 1965 dan menawarkan diri beliau untuk dilantik semula selaras dengan Seksyen 129(6) Akta tersebut, untuk memegang jawatan sehingga ke AGM Syarikat yang akan datang.

**KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM**

Pegangan anggapan dalam saham biasa Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya (selain daripada syarikat subsidiari milik penuh) oleh para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun itu seperti yang dicatatkan di dalam Daftar Pegangan Saham Pengarah adalah seperti berikut:

	<b>Bilangan Saham Biasa</b>			
	<b>Pada 1.2.2001</b>	<b>Dibeli</b>	<b>Dijual</b>	<b>Pada 31.1.2002</b>
Pegangan saham di mana Pengarah mempunyai kepentingan tidak langsung dalam Malaysia Mining Corporation Berhad:				
(Dr) Abdul Samad Haji Alias	–	10,000	–	10,000
Pegangan saham di mana Pengarah mempunyai kepentingan tidak langsung dalam Malaysia Mining Corporation Berhad:				
(Dr) Abdul Samad Haji Alias	–	30,000	–	30,000

**MANFAAT PENGARAH**

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah Syarikat yang telah menerima atau layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau tamat tempoh dan akan diterima oleh para Pengarah seperti yang ditunjukkan di dalam penyata kewangan) disebabkan oleh sebuah kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan sebuah firma di mana Pengarah tersebut merupakan ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan utama, kecuali seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Tiada sebarang pengaturanan dibuat pada sepanjang dan akhir tahun kewangan ini dengan tujuan untuk membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi manfaat melalui pengambilalihan saham dalam atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

**TERBITAN SAHAM**

Tiada perubahan dalam modal terbitan dan berbayar Syarikat pada tahun ini.

### **PEMBERIAN OPSYEN BAGI SAHAM YANG BELUM DITERBITKAN**

Tiada opsyen telah diberi kepada sesiapa untuk mengambil saham Syarikat yang belum diterbitkan pada tahun ini.

### **MAKLUMAT BERKANUN LAIN**

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk memastikan bahawa:

- (i) tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung pelupusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dilupuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu, dan
- (ii) sebarang aset semasa yang tidak berkemungkinan akan direalisasi nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod perakaunan dalam perjalanan biasa perniagaan telah diturunkan nilainya kepada satu jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

- (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dilupuskan atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara, atau
- (ii) yang boleh menyebabkan nilai yang dinyatakan bagi aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan, atau
- (iii) yang telah timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah sedia ada penilaian aset dan liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- (iv) yang tidak diuruskan di dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang boleh menyebabkan jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini tidak wujud:

- (i) sebarang caj ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini dan yang menjamin liabiliti sebarang pihak lain, atau
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka berhubung Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain sebarang syarikat dalam Kumpulan telah berkuatkuasa, atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini, yang pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan dan Syarikat memenuhi obligasi mereka apabila sampai masanya.

Pada pendapat para Pengarah, kecuali seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2002 tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa dan tiada juga sebarang perkara sedemikian berlaku dalam tempoh antara akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini.

**JURUAUDIT**

Juruaudit, Tetuan KPMG, telah menyatakan yang mereka tidak berhasrat menerima pelantikan semula.

Ditandatangani menurut sebuah resolusi para Pengarah:

**Dato' Syed Abdul Jabbar Syed Hassan**

**(Dr) Abdul Samad Haji Alias**

Kuala Lumpur  
28 Mac 2002



## Penyata oleh Para Pengarah menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

---

Pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 154 hingga 192 telah disediakan menurut piawaian perakaunan diluluskan yang diterima pakai di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2002 dan keputusan operasi dan aliran tunai masing-masing bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani menurut sebuah resolusi para Pengarah:

**Dato' Syed Abdul Jabbar Syed Hassan**

**(Dr) Abdul Samad Haji Alias**

Kuala Lumpur  
28 Mac 2002

## Akuan Berkanun menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Shi'aratul Akmar bt. Sahari, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Malaysia Mining Corporation Berhad, dengan sesungguhnya dan ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 154 hingga 192, pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas, Shi'aratul Akmar bt. Sahari di Kuala Lumpur pada 28hb. Mac 2002.

Di hadapan saya:

**Ahmad Khalil bin Mohamed Ali (No. W.269)**

Pesuruhjaya Sumpah  
Kuala Lumpur

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 154 hingga 192. Penyediaan penyata kewangan ini adalah tanggungjawab Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berasaskan audit kami.

Kami telah menjalankan audit kami menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini memerlukan kami merancang dan menjalankan audit untuk mendapatkan semua maklumat dan penerangan yang kami anggap perlu untuk menyediakan maklumat bagi memberi keyakinan yang munasabah bahawa penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara. Sesebuah audit meliputi pemeriksaan, berasaskan ujian, bukti yang berkaitan dengan jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Sesebuah audit turut meliputi penilaian ke atas prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah serta penilaian kecukupan keseluruhan pembentangan maklumat di dalam penyata kewangan. Kami yakin audit kami menyediakan asas berpatutan bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan ini disediakan dengan sewajarnya menurut Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan diluluskan yang diterima pakai di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan hal-ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2002 dan keputusan operasi masing-masing dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara-perkara yang diperlukan oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diuruskan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 untuk disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang diaudit oleh kami telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

Syarikat-syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh kami dinyatakan dalam Nota 30 kepada penyata kewangan dan kami telah mempertimbangkan penyata kewangannya dan jika diaudit, laporan juruaudit mengenainya.

Seperti yang dinyatakan dalam Nota 29, Hillgrove Gold NL telah diasingkan berkuatkuasa dari 3 Januari 2002. Keputusan Hillgrove Gold NL untuk 11 bulan berakhir 31 Disember 2001 yang dimasukkan ke dalam keputusan Kumpulan adalah berasaskan kepada penyata kewangan pengurusan yang belum diaudit.

Kami berpuashati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan keterangan memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari-subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak termasuk sebarang ulasan yang dikehendaki di bawah seksyen kecil (3) Seksyen 174 Akta tersebut.

**KPMG**

Nombor Firma: AF 0758  
Akauntan Awam

**Mohamed Raslan Abdul Rahman**

Rakan Dalam Firma  
Nombor Kelulusan 1825/5/03(J)

Kuala Lumpur  
28 Mac 2002

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>Hartanah, loji dan peralatan</b>	2	<b>419,259</b>	476,465	<b>11,562</b>	7,177
<b>Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari</b>	3	–	–	<b>862,649</b>	862,649
<b>Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu</b>	4	<b>1,052,808</b>	941,793	<b>47,054</b>	47,129
<b>Pelaburan lain</b>	5	<b>280,541</b>	359,085	<b>2,000</b>	2,000
<b>Penerimaan antara syarikat</b>	6	<b>27,322</b>	19,746	<b>671,827</b>	402,498
<b>Aset-aset lain</b>	7	<b>1,161</b>	1,161	–	–
<b>Aset semasa</b>					
Inventori	8	<b>17,639</b>	25,247	–	–
Perdagangan dan penerimaan lain	9	<b>470,527</b>	337,622	<b>318,552</b>	204,955
Tunai dan bersamaan tunai	10	<b>341,197</b>	806,292	<b>44,294</b>	369,270
		<b>829,363</b>	1,169,161	<b>362,846</b>	574,225
<b>Liabiliti semasa</b>					
Perdagangan dan pembayaran lain	11	<b>215,560</b>	195,249	<b>31,843</b>	34,655
Peruntukan	12	–	39,000	–	–
Pinjaman	13	<b>60,503</b>	453,583	<b>50,000</b>	450,000
Cukai		<b>23,313</b>	20,316	<b>7,335</b>	8,512
Dividen dicadangkan		<b>12,040</b>	50,168	<b>12,040</b>	50,168
		<b>311,416</b>	758,316	<b>101,218</b>	543,335
<b>Aset semasa bersih</b>		<b>517,947</b>	410,845	<b>261,628</b>	30,890
		<b>2,299,038</b>	2,209,095	<b>1,856,720</b>	1,352,343
<b>Dibiayai:</b>					
<b>Modal dan rizab</b>					
Modal saham	14	<b>83,614</b>	83,614	<b>83,614</b>	83,614
Rizab	15	<b>1,937,804</b>	1,820,624	<b>1,103,967</b>	1,099,733
<b>Dana pemegang saham</b>		<b>2,021,418</b>	1,904,238	<b>1,187,581</b>	1,183,347
<b>Kepentingan pemegang saham minoriti</b>	16	<b>172,013</b>	195,799	–	–
<b>Liabiliti jangka panjang dan tertunda</b>					
Pinjaman	13	<b>103,065</b>	103,065	–	–
Pembayaran antara syarikat	6	–	–	<b>669,139</b>	168,996
Cukai tertunda	17	<b>2,542</b>	5,993	–	–
		<b>105,607</b>	109,058	<b>669,139</b>	168,996
		<b>2,299,038</b>	2,209,095	<b>1,856,720</b>	1,352,343

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 160 hingga 192 merupakan sebahagian daripadanya, dan perlu dibaca bersama-sama penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Januari 2002

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Hasil					
– hasil kontrak		155,619	168,549	–	–
– jualan barangan		56,364	61,222	–	–
– perkhidmatan		20,415	20,991	–	–
– dividen		–	–	46,155	74,924
		<b>232,398</b>	250,762	<b>46,155</b>	74,924
Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan		(123,002)	(150,125)	–	–
Kos jualan		(39,657)	(67,590)	–	–
Kos perkhidmatan		(5,467)	(8,362)	–	–
		<b>(168,126)</b>	(226,077)	–	–
Kos pengedaran		(1,034)	(835)	–	–
Perbelanjaan pentadbiran		(54,922)	(50,084)	(18,084)	(13,539)
Perbelanjaan operasi		(16,588)	(15,072)	(524)	(3,040)
Pendapatan operasi		10,388	11,302	7,179	2,071
<b>Keuntungan/(kerugian) operasi</b>	18	<b>2,116</b>	(30,004)	<b>34,726</b>	60,416
Perbelanjaan faedah		(12,146)	(16,208)	(3,435)	(6,192)
Pendapatan faedah		23,909	26,048	12,831	13,029
Pendapatan dividen kasar		22,920	28,549	–	–
Bahagian keuntungan syarikat bersekutu		160,161	136,904	–	–
Perkara pelaburan terkecuali:					
Penurunan nilai berhubung subsidiari dalam pembubaran					
– pendahuluan dan kos penutupan	29 (ii)	(94,965)	–	–	–
– baki pelaburan	29 (ii)	(17,193)	–	–	–
Perbelanjaan pengambilalihan dibatalkan	29 (i)	(2,689)	–	(2,689)	–
Peruntukan bagi kos penutupan sebuah syarikat bersekutu		(2,470)	–	–	–
Hutang lapuk berhubung hutang kepada syarikat-syarikat bersekutu		(739)	(28,893)	–	–
Kepentingan dalam harta galian yang diturunkan nilai		–	(86,165)	–	–
Projek (dilupuskan)/diperolehi semula		(1,845)	668	(75)	668
Peruntukan bagi jaminan korporat		–	(39,000)	–	–
Keuntungan daripada jualan pelaburan		113,420	20,864	–	20,864
Keuntungan jualan syarikat bersekutu, selepas cukai luar negeri		–	407,192	–	119,609
		<b>(6,481)</b>	274,666	<b>(2,764)</b>	141,141

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Januari 2002

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		<b>190,479</b>	419,955	<b>41,358</b>	208,394
Perbelanjaan cukai	20	<b>(51,736)</b>	(61,317)	–	(408)
<b>Keuntungan selepas cukai</b>		<b>138,743</b>	358,638	<b>41,358</b>	207,986
Tolak: Kepentingan minoriti		<b>26,666</b>	41,374	–	–
<b>Keuntungan bersih bagi tahun</b>	15	<b>165,409</b>	400,012	<b>41,358</b>	207,986
Pendapatan asas sesaham biasa (sen)	22	<b>19.8</b>	47.8		
Dividen sesaham biasa (sen)	23	<b>5.0</b>	7.0	<b>5.0</b>	7.0

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 160 hingga 192 merupakan sebahagian daripadanya, dan perlu dibaca bersama-sama penyata kewangan ini.

# Penyata Pengiktirafan Keuntungan dan Kerugian bagi tahun berakhir 31 Januari 2002

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Perbezaan daripada pertukaran penyata kewangan entiti asing	15	<b>(11,105)</b>	(16,914)	–	–
<b>Kerugian bersih tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan</b>		<b>(11,105)</b>	(16,914)	–	–
<b>Keuntungan bersih bagi tahun</b>		<b>165,409</b>	400,012	<b>41,358</b>	207,986
Jumlah keuntungan diiktiraf bagi tahun		<b>154,304</b>	383,098	<b>41,358</b>	207,986
Kesan perubahan dasar perakaunan	21	–	(68,457)	–	–

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 160 hingga 192 merupakan sebahagian daripadanya, dan perlu dibaca bersama-sama penyata kewangan ini.

# Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Januari 2002

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>				
Keuntungan sebelum cukai	190,479	419,955	41,358	208,394
Pelarasan bagi:				
Kos tertunda dibelanjakan	–	959	–	–
Susutnilai dan kemerosotan	16,111	17,099	712	661
Pendapatan dividen	(22,920)	(28,549)	(46,155)	(74,924)
Perkara terkecuali	6,481	(274,666)	2,764	(141,141)
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(777)	(1,107)	(282)	(977)
Pendapatan faedah	(23,909)	(26,048)	(12,831)	(13,029)
Perbelanjaan faedah	12,146	16,208	3,435	6,192
Kepentingan minoriti dalam subsidiari yang diasingkan	(14,978)	–	–	–
Keuntungan tersimpan di dalam syarikat-syarikat bersekutu	(134,199)	(87,072)	–	–
Peruntukan bagi perbelanjaan carigali perlombongan	524	3,040	524	3,040
(Keuntungan)/kerugian tukaran matawang asing tidak direalisasi	(2,074)	4,956	(5,980)	–
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	26,884	44,775	(16,455)	(11,784)
(Tambahannya)/kurangan dalam modal kerja:				
Inventori	(7,592)	6,008	–	–
Perdagangan dan penerimaan lain	(134,812)	(220,266)	(113,597)	(196,056)
Perdagangan dan pembayaran lain	35,673	40,841	(2,812)	7,568
Tunai digunakan dalam operasi	(79,847)	(128,642)	(132,864)	(200,272)
Cukai pendapatan dibayar	(3,085)	(13,302)	(1,177)	(3,268)
Faedah dibayar	(8,711)	(10,016)	–	–
Perbelanjaan carigali perlombongan	(524)	(3,040)	(524)	(3,040)
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi</b>	<b>(92,167)</b>	<b>(155,000)</b>	<b>(134,565)</b>	<b>(206,580)</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>				
Pembelian tambahan saham dalam subsidiari	–	–	–	(212,622)
Aliran tunai keluar berikutan pengasingan sebuah subsidiari dalam pembubaran (Nota i)	(1,084)	–	–	–
Dividen diterima	22,920	28,549	46,155	74,924
Perbelanjaan pengambilalihan dibatalkan	(2,689)	–	(2,689)	–
Deposit asing untuk projek-projek asing	–	36,867	–	14,154
Faedah diterima	23,909	26,048	12,831	13,029
Penerimaan antara syarikat	(8,574)	(1,328)	236,794	(152,943)
Pinjaman kepada subsidiari dahulunya disatukan	(14,965)	–	–	–
Projek diperolehi semula	–	668	–	668
Kutipan daripada penjualan syarikat-syarikat bersekutu	–	666,454	–	199,818
Kutipan daripada penjualan pelaburan	191,964	20,864	–	20,864
Kutipan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	1,696	2,188	330	1,895
Kutipan daripada penjualan subsidiari	–	–	–	1,628
Pembelian kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	(25,921)	(746,808)	–	(1,463)
Pembelian kepentingan dalam harta galian	–	(45,448)	–	–
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(43,146)	(39,175)	(5,145)	(1,126)
<b>Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan</b>	<b>144,110</b>	<b>(51,121)</b>	<b>288,276</b>	<b>(41,174)</b>

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>				
Dividen dibayar	(75,252)	(43,145)	(75,252)	(43,145)
Faedah dibayar	(3,435)	(6,192)	(3,435)	(6,192)
Kutipan daripada pinjaman jangka pendek	58,371	450,566	50,000	450,000
Pembayaran balik pinjaman berjangka	–	(3,200)	–	–
Pembayaran balik jaminan korporat	(38,741)	–	–	–
Pembayaran balik pinjaman jangka pendek	(450,566)	(14,540)	(450,000)	–
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pembiayaan</b>	<b>(509,623)</b>	383,489	<b>(478,687)</b>	400,663
(Pengurangan)/pertambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	(457,680)	177,368	(324,976)	152,909
Perbezaan tukaran matawang asing pada baki pembukaan	(6,530)	(1,387)	–	–
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	803,275	627,294	369,270	216,361
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun</b>	<b>339,065</b>	803,275	<b>44,294</b>	369,270
Tunai dan bersamaan tunai meliputi:				
Tunai dan baki bank	10,588	3,596	3,295	1,241
Deposit	330,609	802,696	40,999	368,029
Overdraf bank	(2,132)	(3,017)	–	–
	<b>339,065</b>	803,275	<b>44,294</b>	369,270

**(i) Pengasingan syarikat subsidiari**

Seperti yang dinyatakan dalam Nota 29, Kumpulan telah mengasingkan Hillgrove Gold NL bermula daripada 3 Januari 2002. Nilai aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	RM'000
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 2)	83,322
Aset semasa	17,256
Liabiliti semasa	(99,447)
Defisit timbul daripada pengasingan	(17,193)
	(16,062)
Kepentingan pemegang saham minoriti	14,978
Tunai dan bersamaan tunai Hillgrove Gold NL	(1,084)

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 160 hingga 192 merupakan sebahagian daripadanya, dan perlu dibaca bersama-sama dengan penyata kewangan ini.



# Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

## 1. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan berikut diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat dan selaras dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelumnya.

### (a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan dengan mematuhi piawaian perakaunan diluluskan yang sesuai di Malaysia.

Perakaunan yang berasaskan andaian perniagaan berterusan di mana penyata kewangan sesebuah subsidiari disediakan bergantung kepada kemampuan subsidiari tersebut mengekalkan perhubungan perniagaan dengan pelanggan utama mereka. Para Pengarah yakin bahawa perhubungan perniagaan tersebut akan dikekalkan.

### (b) Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan semua subsidiarinya yang disediakan sehingga 31 Januari 2002, kecuali bagi Hillgrove Gold NL yang mana Pembubar dan Pengurus telah dilantik oleh Tronoh Mines Malaysia Berhad, sebuah subsidiari Syarikat yang memegang 61.9% kepentingan dalam Hillgrove Gold NL.

Subsidiari-subsidiari adalah syarikat yang dikawal oleh Syarikat. Kawalan wujud apabila Syarikat mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah syarikat bagi memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Penyata kewangan subsidiari diambilkira di dalam penyata kewangan yang disatukan daripada tarikh kawalan mula berkuatkuasa sehingga ke tarikh kawalan tersebut berhenti daripada berkuatkuasa.

Sesebuah subsidiari dikecualikan daripada penyatuan apabila kawalan yang dikehendaki adalah bersifat sementara, jika subsidiari tersebut diambilalih dan dipegang secara eksklusif dengan matlamat untuk dijual tidak lama selepas itu dan tidak pernah disatukan sebelumnya atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang mengurangkan dengan ketara kemampuannya untuk memindahkan dana kepada Syarikat. Subsidiari-subsidiari yang dikecualikan atas alasan ini diambilkira sebagai pelaburan.

Apabila wujud kesinambungan penggabungan perniagaan dan pemilikan syarikat yang berasingan telah dikumpulkan menjadi satu pemilikan bersama, penyatuan Malaysia Mining Corporation Berhad (MMC) dan subsidiari-subsidiarinya (Kumpulan) telah dilaksanakan berasaskan perakaunan pergabungan. Selain daripadanya, semua subsidiari telah disatu menggunakan kaedah pengambilalihan dan muhibah, jika ada, yang timbul daripada penyatuan yang diuruskan menurut dasar yang dinyatakan dalam Nota 1(j).

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan subsidiari-subsidiari yang diambilalih atau dijual pada tahun ini dimasukkan daripada tarikh pengambilalihan atau sehingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih subsidiari ditentukan dan nilai-nilai tersebut ditunjukkan di dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih subsidiari ditunjukkan sebagai muhibah atau rizab daripada penyatuan mengikut kesesuaian.

Di bawah kaedah penggabungan perakaunan, perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai nominal modal saham dan rizab subsidiari tersebut dibawa kepada rizab pergabungan.

Urusniaga di dalam kumpulan dan baki serta keuntungan tidak direalisasi yang terhasil daripadanya dihapuskan semasa penyatuan. Kerugian tidak direalisasi yang terhasil daripada urusniaga dalaman kumpulan juga dihapuskan kecuali jika kos tidak boleh diperolehi semula.

**1. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)**

**(c) Syarikat bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang besar, tetapi bukan kawalan, ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi syarikat berkenaan.

Penyata kewangan yang disatukan meliputi jumlah keuntungan dan kerugian yang diiktiraf daripada syarikat-syarikat bersekutu berasaskan nisbah ekuiti dari tarikh pengaruh besar tersebut mula berkuatkuasa sehingga tarikh pengaruh besar tersebut berhenti daripada berkuatkuasa.

Keuntungan tidak direalisasi yang timbul daripada urusan antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya yang dimasukkan dalam amaun bawa aset dan liabiliti berkaitan dihapuskan sebahagiannya hingga setakat mana kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian tidak direalisasi daripada urusan sedemikian dihapuskan sebahagiannya kecuali jika kos tidak boleh diperolehi semula.

Muhibah daripada penyatuan dikira berasaskan kepada nilai saksama aset bersih yang diambilalih.

Ekuiti Kumpulan dikira mengikut bahagiannya daripada keputusan selepas pengambilalihan syarikat bersekutu berasaskan kepada penyata kewangan diaudit dan belum diaudit interim yang tersedia.

**(d) Usahasama**

Sesebuah usahasama adalah perjanjian secara kontrak di mana Kumpulan dan pihak-pihak lain mempunyai kawalan bersama ke atas sesuatu aktiviti ekonomi.

Berhubung kepentingannya dalam entiti kawalan bersama, Kumpulan menggunakan kaedah ekuiti untuk mengira kepentingannya.

Keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang timbul daripada urusan antara Kumpulan dan pihak yang menjalankan usahasama diiktiraf hanya ke setakat bahagian keuntungan atau kerugian yang boleh diagihkan kepada kepentingan pihak lain yang terlibat dalam usahasama tersebut. Kerugian tidak direalisasi diiktiraf sepenuhnya apabila urusan tersebut mempunyai bukti terdapat pengurangan atau penurunan dalam nilai boleh realisasi bersih aset semasa, selain daripada berbentuk sementara, dalam amaun bawa aset jangka panjang.

**(e) Hartanah, loji dan peralatan**

Kumpulan berpegang kepada dasar menyatakan hartanah, loji dan peralatan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Penilaian semula hartanah tertentu pada tahun 1988 telah dijalankan terutamanya sebagai langkah sekaligus dan tidak bermatlamat untuk mewujudkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada penilaian hartanah. Lebihan yang timbul daripada penilaian semula diuruskan dalam akaun rizab penilaian semula.

**1. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)**

**(e) Hartanah, loji dan peralatan (Samb)**

Nilai bawa hartanah, loji dan peralatan dikaji pada setiap tarikh kunci kira-kira untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk berlaku kemerosotan dalam nilainya. Jika petunjuk sedemikian wujud, amaun boleh diperolehi semula bagi aset tersebut dianggarkan. Kerugian daripada kemerosotan diiktiraf apabila amaun bawa sesuatu hartanah, loji atau peralatan melebihi amaun yang boleh dikutip semula. Kerugian daripada kemerosotan dicaj kepada penyata pendapatan, kecuali ia membalikkan penilaian semula sebelumnya, di mana dalam keadaan sedemikian ia akan dicaj kepada ekuiti. Sebarang peningkatan selanjutnya dalam amaun boleh diperolehi semula dikurangkan oleh amaun yang mungkin diiktiraf sebagai susutnilai jika penurunan nilai atau pelupusan berlaku. Sebarang peningkatan selanjutnya dalam nilai boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali ia membalikkan kerugian kemerosotan ke atas sesuatu aset yang dinilai semula, di mana dalam keadaan tersebut diambilkira kepada ekuiti.

**(f) Susutnilai**

Susutnilai ke atas aset bukan perlombongan diperuntukkan pada kadar yang dianggap mencukupi untuk melupuskan hartanah, loji dan peralatan sepanjang anggaran hayat bergunanya. Tiada pelunasan diperuntukkan ke atas tanah milik bebas sementara tanah pegangpajak dilunaskan sepanjang tempoh pajakan.

Susutnilai dan kesusutan ke atas aset perlombongan dikira dengan merujuk kepada output tahun tersebut untuk melupuskan aset-aset tersebut, tolak anggaran nilai sisanya, pada sepanjang tempoh anggaran rizab logam yang akan dikerjakan sebelum tamat tempoh pajakannya.

Perbelanjaan pembangunan lebuh raya meliputi perbelanjaan pembangunan dan peningkatan taraf (termasuk caj faedah berhubung dengan pembiayaan pembangunan) yang ditanggung berkenaan dengan projek penswastaaan lebuh raya. Perbelanjaan kumulatif sebenar yang ditanggung dilunaskan pada setiap tarikh kunci kira-kira sepanjang tempoh konsesi berasaskan kepada formula berikut:

$$\frac{\text{Hasil tol kumulatif sehingga kini}}{\text{Unjuran jumlah hasil tol bagi konsesi}} \times \text{Perbelanjaan lebuh raya kumulatif sebenar}$$

Kaedah garis lurus digunakan untuk melupuskan kos aset lain sepanjang tempoh anggaran hayat bergunanya pada kadar tahunan utama berikut:

Bangunan	2%
Loji, jentera dan peralatan	10% hingga 33 <sup>1</sup> / <sub>3</sub> %

**(g) Pelaburan**

Subsidiari yang diambilkira di bawah kaedah pergabungan, dinyatakan pada nilai nominal saham yang diperolehi atau diterbitkan semasa pelaburan, dalam subsidiari lain ia dinyatakan pada kos. Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan dalam Kumpulan, termasuk bahagian keputusan tersimpan selepas pengambilalihan. Pelaburan lain dinyatakan pada kos.

Peruntukan dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa kemerosotan dalam nilai yang bukan bersifat sementara.

**1. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)**

**(g) Pelaburan (Samb)**

Pelaburan tidak tersiar harga semasa dinyatakan pada kos sementara pelaburan tersiar harga dinyatakan pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai pasaran berasaskan portfolio. Peruntukan dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa kemerosotan dalam nilai yang bukan bersifat sementara.

**(h) Perbelanjaan carigali perlombongan**

Perbelanjaan usaha carigali dan penilaian kawasan perlombongan yang berkepentingan dicaj kepada penyata pendapatan apabila dibelanjakan melalui penyediaan peruntukan sehingga apabila sesebuah kawasan berkepentingan mencapai peringkat di mana perbelanjaan tersebut dianggap boleh dikembalikan melalui pembangunan atau penjualan.

Apabila kawasan perlombongan berkepentingan dijangka akan memasuki peringkat pembangunan komersial atau di mana nilai boleh dikembalikan melalui penjualan, peruntukan berhubung dengan perbelanjaan yang ditanggung dikreditkan kepada penyata pendapatan sehingga ke tahap ia menggambarkan anggaran semasa nilai boleh diperolehi semula bagi kawasan berkepentingan berkaitan. Perbelanjaan terkumpul bagi sesebuah kawasan berkepentingan yang tidak lagi dianggap mempunyai sebarang nilai komersial diluluskan daripada peruntukan.

**(i) Amaun dihutang oleh pelanggan kontrak**

Amaun dihutang oleh para pelanggan kontrak daripada kontrak pembinaan dinyatakan pada kos campur keuntungan boleh agih tolak kerugian boleh diramal dan tolak bayaran berperingkat. Kos meliputi semua kos pembinaan langsung dan kos lain yang berkaitan. Jika pengebilan berperingkat melebihi amaun agregat yang dihutang oleh pelanggan kontrak campur keuntungan yang boleh agih tolak kerugian yang boleh diramal, baki kredit bersih daripada semua kontrak sedemikian ditunjukkan dalam perdagangan dan pembayaran lain sebagai amaun yang dihutang kepada pelanggan kontrak.

**(j) Aset tidak ketara**

***Muhibah***

Muhibah yang timbul daripada pengambilalihan merupakan lebih daripada kos pengambilalihan berbanding nilai saksama aset bersih yang boleh dikenalpasti yang diperolehi dan dinyatakan pada kos. Bagi syarikat bersekutu, amaun bawa muhibah diambilkira dalam amaun bawa pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu.

Kerugian daripada kemerosotan nilai diiktiraf apabila para Pengarah berpendapat berlaku penurunan nilai yang bukan berbentuk sementara.

**(k) Inventori**

Inventori dinyatakan pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih dengan kos sama ada berasaskan masuk dahulu, keluar dahulu atau berasaskan kos purata berwajaran. Bagi kerja dalam pelaksanaan dan inventori yang dikilang, kos meliputi bahan, tenaga buruh langsung dan bahagian yang sesuai bagi overhead tetap dan berubah-ubah.

### 1. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

#### (l) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai meliputi tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai ditunjukkan selepas overdraf bank dan deposit yang dicagangkan.

#### (m) Cukai

Perbelanjaan dalam penyata pendapatan mewakili cukai pada kadar cukai semasa berasaskan keuntungan yang diperolehi pada tahun ini.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti bagi semua perbezaan masa kecuali jika tiada liabiliti dijangka akan timbul pada masa hadapan yang boleh diramalkan dan tiada petunjuk bahawa perbezaan masa tersebut akan berbalik selepas itu. Manfaat cukai tertunda hanya diiktiraf jika ada kemungkinan yang berpatutan bahawa ia boleh direalisasi pada masa hadapan yang terdekat.

#### (n) Matawang asing

##### (i) *Pertukaran matawang asing*

Aset dan liabiliti matawang asing Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya di Malaysia pada tarikh kunci kira-kira ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut atau, jika kontrak pertukaran hadapan digunakan, pada kadar yang ditetapkan dalam kontrak tersebut. Urusniaga matawang asing pada tahun ini telah ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran diuruskan melalui penyata pendapatan.

##### (ii) *Penyata kewangan operasi luar negeri*

Operasi luar negeri Kumpulan tidak dianggap sebagai sebahagian penting operasi Syarikat. Sehubungan itu, aset dan liabiliti operasi luar negeri, termasuk muhibah dan pelarasan nilai saksama daripada penyatuan, ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira. Hasil dan perbelanjaan operasi luar negeri ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran purata yang digunakan sepanjang tahun. Perbezaan tukaran matawang asing yang timbul daripada pertukaran diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti.

Kadar penutup yang digunakan bagi pertukaran aset dan liabiliti berbentuk wang dalam matawang asing dan penyata kewangan operasi luar negeri adalah seperti berikut:

1AUD	RM1.93	(2001: 1AUD	RM2.08)
1USD	RM3.80	(2001: 1USD	RM3.80)
1EURO	RM3.27	(2001: 1EURO	RM3.52)

## 1. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

### (o) Hasil

#### (i) *Barangan dijual*

Hasil daripada jualan barangan ditentukan pada nilai saksama daripada pembayaran yang akan diterima dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila risiko dan ganjaran pemilikan yang penting telah dipindahkan kepada pembeli.

#### (ii) *Kontrak pembinaan*

Hasil daripada kontrak pembinaan berharga tetap jangka panjang diiktiraf berasaskan kaedah peratus siap, ditentukan dengan merujuk kepada penyiapan fizikal kerja kontrak mengikut nisbah.

Apabila hasil sesebuah kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan yakin, hasil diiktiraf hanya setakat kos kontrak yang ditanggung yang berkemungkinan akan diperolehi semula dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tempoh ia ditanggung.

Kerugian yang dijangka daripada sesebuah kontrak diiktiraf dengan segera di dalam penyata pendapatan.

#### (iii) *Pendapatan dividen*

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditentukan.

#### (iv) *Pendapatan faedah*

Pendapatan faedah diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila terakru, dengan mengambilkira hasil efektif daripada aset tersebut.

### (p) Kos pembiayaan

Semua kos faedah dan kos lain yang ditanggung berhubung dengan pinjaman dibelanjakan apabila ditanggung.

Faedah ke atas dana pinjaman digunakan bagi aset yang memerlukan tempoh panjang untuk disediakan bagi kegunaan yang dikehendaki dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset berkenaan sehingga ke tarikh operasi bermula.

Faedah selepas pembinaan iaitu faedah yang ditanggung ke atas pinjaman selepas pembinaan projek penswastaaan disiapkan sehingga pembayaran balik sepenuhnya pinjaman tersebut, dibelanjakan apabila ditanggung.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

### 2. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Hartanah milik bebas RM'000	Hartanah pajakan jangka panjang RM'000	Hartanah pajakan jangka pendek RM'000	Pajakan, hartanah dan bangunan lombong RM'000	Loji, jentera dan peralatan RM'000	Kapal korek dan peralatan perlombongan lain RM'000	Perbelanjaan & pem- angunan lebuhraya RM'000	Modal kerja dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan Kos/nilai</b>									
Pada 1 Februari									
2001	46,024	33,405	8,946	9,199	195,045	1,390	305,751	12,336	612,096
Tambahan	2,658	–	–	–	40,189	–	299	–	43,146
Penjualan	–	–	–	(9)	(7,961)	(880)	–	–	(8,850)
Pengasingan	(1,561)	–	–	(7,576)	(92,242)	–	–	–	(101,379)
Pada 31 Januari									
2002	<b>47,121</b>	<b>33,405</b>	<b>8,946</b>	<b>1,614</b>	<b>135,031</b>	<b>510</b>	<b>306,050</b>	<b>12,336</b>	<b>545,013</b>
<b>Mewakili perkara- perkara berikut pada:</b>									
Kos	21,511	31,679	8,446	1,614	135,031	510	306,050	12,336	517,177
Nilai para Pengaruh									
– 1988	25,610	1,726	500	–	–	–	–	–	27,836
Pada 31 Januari									
2002	<b>47,121</b>	<b>33,405</b>	<b>8,946</b>	<b>1,614</b>	<b>135,031</b>	<b>510</b>	<b>306,050</b>	<b>12,336</b>	<b>545,013</b>
<b>Susutnilai</b>									
Pada 1 Februari									
2001	2,665	1,166	2,415	–	117,151	–	12,234	–	135,631
Dicaj bagi tahun	362	111	270	–	11,442	–	3,926	–	16,111
Penjualan	–	–	–	–	(7,931)	–	–	–	(7,931)
Pengasingan	(645)	–	–	–	(17,412)	–	–	–	(18,057)
Pada 31 Januari									
2002	<b>2,382</b>	<b>1,277</b>	<b>2,685</b>	<b>–</b>	<b>103,250</b>	<b>–</b>	<b>16,160</b>	<b>–</b>	<b>125,754</b>
<b>Nilai buku bersih</b>									
Pada 31 Januari									
2002	<b>44,739</b>	<b>32,128</b>	<b>6,261</b>	<b>1,614</b>	<b>31,781</b>	<b>510</b>	<b>289,890</b>	<b>12,336</b>	<b>419,259</b>
Pada 31 Januari									
2001	43,359	32,239	6,531	9,199	77,894	1,390	293,517	12,336	476,465
Caj susutnilai bagi tahun berakhir 31 Januari 2001	400	101	237	–	12,510	–	3,851	–	17,099

**2. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB)**

Syarikat	Hartanah milik bebas RM'000	Hartanah pajakan jangka panjang RM'000	Pajakan, hartanah dan bangunan lombong RM'000	Loji, jentera dan peralatan RM'000	Kapal korek dan peralatan perlom- bongan lain RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Februari 2001	826	5,621	347	10,753	35	17,582
Tambahan	–	–	–	5,145	–	5,145
Penjualan	–	–	–	(1,684)	(35)	(1,719)
Pada 31 Januari 2002	<b>826</b>	<b>5,621</b>	<b>347</b>	<b>14,214</b>	<b>–</b>	<b>21,008</b>
<i>Mewakili perkara-perkara pada:</i>						
Kos	826	4,115	347	14,214	–	19,502
Nilaian para Pengarah – 1988	–	1,506	–	–	–	1,506
Pada 31 Januari 2002	826	5,621	347	14,214	–	21,008
<b>Susutnilai</b>						
Pada 1 Februari 2001	–	616	–	9,789	–	10,405
Caj bagi tahun	–	57	–	655	–	712
Penjualan	–	–	–	(1,671)	–	(1,671)
Pada 31 Januari 2002	–	673	–	8,773	–	9,446
<b>Nilai buku bersih</b>						
Pada 31 Januari 2002	<b>826</b>	<b>4,948</b>	<b>347</b>	<b>5,441</b>	<b>–</b>	<b>11,562</b>
Pada 31 Januari 2001	826	5,005	347	964	35	7,177
Bagi tahun berakhir 31 Januari 2001						
Caj susutnilai	–	57	–	604	–	661

Beberapa hartanah tertentu milik Kumpulan di Malaysia dan hartanah pegangan pajakan milik Syarikat di Malaysia dinyatakan berdasarkan penilaian profesional (penilaian para Pengarah yang dibuat pada 31 Januari 1988) berasaskan penilaian pasaran terbuka yang dilakukan pada bulan Februari 1988. Penilaian ini merupakan satu langkah yang dilakukan sekali dan tidak bertujuan untuk menyebabkan perubahan dalam dasar perakaunan yang menjadikannya hartanah dinilai semula.



## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

### 2. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB)

Sekiranya hartanah dinilai semula ini dikira pada kos sejarah tolak susutnilai terkumpul, nilai bawa aset dinilai semula yang mungkin telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan pada akhir tahun adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Hartanah milik bebas	672	672	–	–
Hartanah pajakan jangka panjang	1,521	1,542	1,521	1,542
Hartanah pajakan jangka pendek	56	57	–	–
	<b>2,249</b>	<b>2,271</b>	<b>1,521</b>	<b>1,542</b>

Aset tetap berkaitan dengan perlombongan bijih timah dan aset tetap sebuah subsidiari yang telah diberhentikan operasinya dinyatakan pada anggaran nilai realisasi masing-masing.

### 3. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000
Saham tersiar harga di Malaysia	77,856	77,856
Saham tidak tersiar harga	791,138	791,138
	<b>868,994</b>	<b>868,994</b>
Tolak: Elaun bagi penurunan nilai Saham tidak tersiar harga	(6,345)	(6,345)
	<b>862,649</b>	<b>862,649</b>
<b>Nilai pasaran pelaburan tersiar harga:</b>		
Tersiar harga di Malaysia	<b>143,697</b>	<b>126,613</b>

### 4. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Saham tersiar harga di Malaysia	821,905	795,984	46,994	46,994
Saham tidak tersiar harga (Nota (i))	60,858	60,933	60	135
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	170,045	84,876	–	–
	<b>1,052,808</b>	<b>941,793</b>	<b>47,054</b>	<b>47,129</b>

#### 4. PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMB)

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Diwakili oleh:				
Bahagian Kumpulan dalam aset bersih selain daripada muhibah	<b>692,387</b>	592,688	–	–
Bahagian Kumpulan daripada muhibah dalam penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu sendiri yang disatukan	<b>26,592</b>	27,448	–	–
Muhibah daripada pengambilalihan (Nota (ii))	<b>333,829</b>	321,657	–	–
	<b>1,052,808</b>	941,793	–	–

Nilai pasaran syarikat-syarikat bersekutu tersiar harga:

Tersiar harga di Malaysia	<b>819,361</b>	686,294	<b>96,460</b>	82,949
---------------------------	----------------	---------	---------------	--------

- (i) Pelaburan tidak tersiar harga meliputi sebuah pelaburan bernilai RM24.846 juta (2001 – RM24.846 juta) dalam Gas Malaysia Sendirian Berhad (Gas Malaysia), sebuah syarikat di mana sebuah subsidiari memegang 55% pegangan saham di dalamnya. Walaupun Gas Malaysia adalah sebuah subsidiari di bawah Akta Syarikat, 1965, Kumpulan tidak mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasinya akibat beberapa sekatan tertentu yang terkandung dalam Memorandum Tataurusuan Pertubuhan syarikat tersebut.

Berikutan keadaan di atas, Gas Malaysia telah diambilkira sebagai sebuah syarikat bersekutu berasaskan kepada kepentingan efektif Kumpulan sebanyak 41.8%.

- (ii) Pengiraan awal muhibah daripada pengambilalihan Malakoff Berhad (Malakoff) adalah berasaskan nilai buku bersih daripada aset bersih Malakoff pada tarikh pengambilalihan asal sebanyak 22.7% (31 Oktober 2000) disebabkan wujud halangan untuk mendapatkan rekod Malakoff kerana ia merupakan sebuah entiti yang disenaraikan. Para Pengarah telah mengkaji anggaran nilai saksama Malakoff berdasarkan nilai buku dan berpendapat bahawa pengiraan muhibah daripada pengambilalihan dinyatakan dengan saksama.
- (iii) Butir-butir mengenai syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Nota 30 kepada penyata kewangan.

#### 5. PELABURAN LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Saham tersiar harga di Malaysia	<b>255,289</b>	255,289	–	–
Saham tersiar harga di luar Malaysia	<b>21,555</b>	100,099	–	–
Saham tidak tersiar harga	<b>3,697</b>	3,697	<b>2,000</b>	2,000
	<b>280,541</b>	359,085	<b>2,000</b>	2,000

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

### 5. PELABURAN LAIN (SAMB)

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>Nilai pasaran pelaburan tersiar harga:</b>				
Saham tersiar harga di Malaysia	<b>610,487</b>	603,102	–	–
Saham tersiar harga di luar Malaysia	<b>33,473</b>	155,184	–	–
	<b>643,960</b>	758,286	–	–

### 6. PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN ANTARA SYARIKAT

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
<b>Penerimaan</b>				
Jumlah dihutang oleh subsidiari-subsidiari	–	–	<b>651,956</b>	384,844
Jumlah dihutang oleh syarikat-syarikat bersekutu	<b>27,322</b>	19,746	<b>19,871</b>	17,654
	<b>27,322</b>	19,746	<b>671,827</b>	402,498
<b>Pembayaran</b>				
Jumlah dihutang kepada subsidiari-subsidiari	–	–	<b>669,139</b>	168,996

